



WARIS PATAH TITI

Ahmad Termizi Abdullah

Buyer: NIK SOH NIK AHMAD (soufratun@gmail.com)
Transaction ID: 5JF28668VV842651N

WARIS PATAH TITI

AHMAD TERMIZI ABDULLAH

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penulis. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Ahmad Termizi Abdullah, 1976-
WARIS PATAH TITI/
AHMAD TERMIZI ABDULLAH
ISBN 978-967-18023

© Ahmad Termizi Abdullah
Cetakan atas permintaan Januari 2021

Diterbit oleh:
Ahmad Termizi Abdullah
29-2 Jalan 3/4C,
Desa Melawati,
53100 Kuala Lumpur.
Tel: 03-4105 5210

Dipasarkan oleh:
www.pustakamizi.com

Dicetak oleh:
Perusahaan Tukang Buku KM
03-8928 9899

PRAKATA

Puji dan syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah rahmat dan iradat-Nya dapat saya siapkan buku ini.

Buku ini adalah satu buku khusus yang membincangkan tentang isu *wasiat wajibah* bagi membela kebajikan golongan waris patah titi. Masyarakat Islam di negara kita masih lagi keliru tentang situasi waris patah titi sama ada boleh atau tidak mereka ini menerima harta pusaka si mati. Atas asbab bagi merungkai kekeliruan ini, saya menulis buku ringkas ini.

Saya bersyukur tentang pindaan yang telah dilakukan oleh Negeri Selangor apabila menggantikan perkataan kanak-kanak pada seksyen 27(2) dan seksyen 27(3) Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Selangor 1999 (Pindaan 2016) dengan perkataan cucu. Perkataan cucu sememangnya adalah lebih tepat.

Kebetulan pula saya sendiri bersama rakan bijaksana saya, Dr. Zulqarnain Lukman ada membawa kes ke Mahkamah Tinggi Syariah di Shah Alam dalam menentukan isu ini.

Isu cucu atau kanak-kanak yang dimuatkan dalam buku ini adalah sebahagian

daripada hujahan bertulis kami dalam kes tersebut.

Manakala keputusan kes tersebut ada dilampirkan di akhir buku ini bagi manfaat bersama.

Untuk rekod, buku ini disiapkan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi mengawal penularan wabak covid-19 di negara kita. Saya mengambil kesempatan duduk di rumah dengan menyiapkan buku ini bagi faedah masyarakat umum dalam memahami isu waris patah titi ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada isteri saya yang tercinta yang sentiasa setia menemani saya.

Saya mengucapkan terima kasih kepada anak-anak saya yang memahami dan menjadi semangat kepada saya. Sesungguhnya buku-buku saya ini adalah cenderahati saya kepada mereka dan untuk generasi akan datang.

Saya juga menghargai penglibatan rakan-rakan saya yang banyak berkongsi ilmu dan pengalaman dalam bidang ini.

Penghargaan saya juga pastinya kepada guru-guru saya.

Pastinya tidak saya lupakan, ucapan terima kasih saya yang tidak terhingga kepada ibu saya yang sentiasa mendoakan saya.

Saya berharap buku ringkas ini akan memberi manfaat dalam perkembangan ilmu di negara kita, dan semoga buku ini akan dapat memberi ilham ke arah kajian yang lebih bermanfaat tentang ilmu Allah yang luas ini.

Saya memohon agar Allah s.w.t. menerima amal soleh saya ini dan semoga ia terus bermanfaat sehingga ke generasi-generasi yang akan datang setelah saya pergi.

*TERMIZI
Desa Melawati*

Buyer: NIK SOH NIK AHMAD (soufratun@gmail.com)
Transaction ID: 5JF28668VV842651N

KANDUNGAN

Prakata

PENDAHULUAN	1
WASIAH WAJIBAH	4
PANDANGAN YANG MENYOKONG	6
PANDANGAN YANG TIDAK MENYOKONG	12
PANDANGAN PENULIS	14
KADAR BAHAGIAN WASIAH WAJIBAH	17
SYARAT WASIAH WAJIBAH	19
CUCU DARI ANAK LELAKI SAHAJA ATAU TERMASUK CUCU DARI ANAK PEREMPUAN?	23
KAEDAH PEMBAHAGIAN SESAMA CUCU	24
CUCU SAHAJA ATAU CUCU DAN WARIS KE BAWAH?	24
PERSOALAN-PERSOALAN LAIN	25
FATWA BERKAITAN WASIAH WAJIBAH DI MALAYSIA	28
WASIAH WAJIBAH DI SELANGOR; CUCU ATAU KANAK-KANAK?	31

PENUTUP	49
RUJUKAN	53
LAMPIRAN:	55
1. LAPORAN KES AKMAR BINTI AMIRUDDIN LWN. AMANAH RAYA BERHAD	
2. ENAKMEN WASIAT ORANG ISLAM NEGERI SELANGOR (PINDAAN 2016)	

WARIS PATAH TITI

PENDAHULUAN

Waris patah titi merujuk kepada cucu yang kematian bapa/ibu terlebih dahulu sebelum kematian datuk/nenek mereka. Mereka akan terhalang daripada menerima harta pusaka datuk/nenek mereka kerana kewujudan bapa/ibu saudara mereka yang menjadi waris yang menghabiskan baki ('asabah) kepada harta pusaka peninggalan datuk/nenek. Waris patah titi berlaku dalam contoh keadaan sebegini.

Waris Patah Titi



Adam meninggal dunia dan meninggalkan seorang anak lelaki bernama Idris dan seorang ayah bernama Saleh. Tidak ada apa-apa harta pusaka ditinggalkan oleh Adam kepada anaknya Idris yang masih kecil itu. Idris kemudiannya dijaga oleh datuknya, iaitu Saleh.

Selepas itu, Saleh pula meninggal dunia dan meninggalkan seorang anak lelaki bernama Ibrahim iaitu adik kepada Adam (bapa Idris yang telah meninggal lebih awal tadi). Mengikut hukum faraid, harta pusaka Saleh jatuh kepada Ibrahim. Sementara Idris pula tidak mewarisi harta datuknya Saleh kerana terdinding dengan sebab adanya waris yang lebih dekat yang menjadi '*asabah*', iaitu Ibrahim. Jadi, kedudukan Idris di sini dikenali oleh orang melayu dulu-dulu sebagai 'waris patah titi'.

Ustaz Md. Yazid Ahmad memberi contoh sebagaimana berikut:

Abu meninggal dunia dahulu daripada bapanya Ali dalam satu kemalangan dan meninggalkan seorang isteri, Salmah dan meninggalkan seorang isteri, Salmah dan dua orang anak iaitu Kasim dan Siti. Di sini, Kasim dan Siti merupakan waris *wasiyyah wajibah* ataupun dikenali sebagai "waris patah titi" kerana mereka akan terdinding daripada mendapat harta pusaka datuknya (Ali) disebabkan adanya bapa saudara mereka iaitu Husin.¹

Memanglah disebabkan nasib waris patah titi yang sebegini, ada sesetengah orang menganggap bahawa undang-undang pewarisan Islam adalah undang-undang yang tidak adil.

¹ Md. Yazid Ahmad, *Waris Patah Titi*, dalam Solusi #17, Telaga Biru Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 2010, hlm. 88.

Tetapi, jangan menuduh terlalu cepat. Jika dilihat pada beberapa enakmen di negara kita, nasib waris patah titi ini memang dijaga/terbela. Peruntukan tentang hak waris patah titi ini dikenali dengan istilah '*wasiyyah wajibah*'.

Wasiyyah wajibah merujuk kepada konsep wasiat yang seolah-olah wujud daripada datuk/nenek kepada cucunya sebelum datuk/nenek itu meninggal dunia.

Wasiat pada asalnya bukanlah wajib. Tetapi bagi menjaga maslahat/kepentingan waris patah titi, wasiat ini seakan-akan wajib ada yang diwajibkan adanya oleh pemerintah melalui penguatkuasaan undang-undang.

Konsep *wasiyyah wajibah* ini juga sebenarnya tidak asing di negara-negara Islam yang lain. Konsep *wasiyyah wajibah* ini lahir berdasarkan *siyasah syar'iah* dalam sesebuah negara Islam bagi menjaga maslahat umat Islam di negara/negeri terbabit.

Walau bagaimanapun, kadar *wasiyyah wajibah* ini hendaklah tidak melebihi kadar 1/3 daripada keseluruhan harta si mati. Syarat-syarat lain tentang *wasiyyah wajibah* ada dinyatakan dalam peruntukan undang-undang secara jelas.

Apa yang menjadi sedikit permasalahan dari segi praktisnya ialah; adakah ahli waris yang lain bersedia untuk mengisyiharkan kepada

mahkamah atau unit pembahagian pusaka kecil tentang kewujudan waris patah titi ini memandangkan hal ini akan mengurangkan jumlah harta pewarisan yang akan mereka terima. Di sinilah pentingnya peranan peguam supaya dapat menyiasat waris seadil mungkin dan menasihatkan ahli waris supaya memasukkan waris patah titi dalam senarai waris-waris dan memberikan hak waris patah titi terlebih dahulu berdasarkan peruntukan *wasiyyah wajibah* dan selepas itu barulah baki harta pusaka dibahagikan kepada ahli waris yang lain.

Jika waris tidak diwakili peguam, adalah menjadi tanggungjawab hakim/pegawai unit pusaka bagi menyiasat hal ini semasa sesi perbicaraan. Semoga nasib waris patah titi terbela.²

WASIAH WAJIBAH

Wasiat wajibah (juga dikenali sebagai *wasiat qanuniyyah*) pada mulanya diperkenalkan di Mesir pada tahun 1946 setelah ahli perundangan Mesir memutuskan untuk menggubal satu peruntukan undang-undang yang dikenali sebagai Kanun Wasiat. Kemudian ia disusuli oleh negara-negara Arab yang lain seperti Syria, Lubnan, Maghribi dan beberapa negara Islam lain.

² Md. Yazid Ahmad, *Waris Patah Titi*, hlm. 88-89.

Usaha kearah pembentukan undang-undang wasiat secara terperinci sepetimana yang telah dilakukan di sesetengah negara Islam di Timur Tengah telah berjaya dilaksanakan di negeri Selangor pada 15 September 1999 apabila kerajaan negeri Selangor telah meluluskan Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 (selepas ini disebut sebagai "EWOIS").

Maksud *wasiat wajibah* tidak diberikan oleh EWOIS, tetapi boleh difahamkan daripada peruntukan sebagai satu wasiat yang wajib diberikan melalui kuasa undang-undang. Ini bermakna sekiranya seseorang si mati tersebut tidak membuat wasiat, maka undang-undang atau hakim akan membuat satu wasiat bagi pihaknya.

Dalam konteks undang-undang *wasiat wajibah* ini, negara-negara Islam menghadkan wasiat tersebut kepada cucu sahaja dan tidak memasukkan ahli-ahli keluarga yang bukan waris sebagai orang yang berhak menerima *wasiat wajibah*. Perkara ini mengikut pendapat Mohd Zamro, boleh menimbulkan persoalan kerana tidak terdapat asas daripada jurisprudens Islam berhubung dengan penetapan tersebut.

Menurut sesetengah ulamak, pemilihan cucu sebagai penerima *wasiat wajibah* adalah satu bentuk ijtihad yang berdasarkan kepada realiti semasa. Sungguhpun demikian, tidak semua cucu yang yatim akibat kematian bapa

atau ibu mereka itu melarat dan tidak mendapat pembelaan daripada keluarga bapa atau ibu mereka, sehingga perlu kepada undang-undang yang mewajibkan wasiat kepada mereka.³

PANDANGAN YANG MENYOKONG

SUMBER DALIL		
Maslahah Mursalah	Siyasah Syar'iyyah	Al-Baqarah: 180
<ul style="list-style-type: none">• Kebajikan kepada waris yang terhalang• Mengelakkan mudarat kepada anak yatim	<ul style="list-style-type: none">• Pemerintah harus bertindak bagi kemaslahatan umum	<ul style="list-style-type: none">• Pendapat yang mengatakan hukumnya tidak <i>mansukh</i> (dihapuskan) kepada waris yang terhalang.

Pandangan yang menyokong pelaksanaan *wasiat wajibah* adalah berpegang kepada umumnya nas mengenai wasiat, iaitu berdasarkan firman Allah SWT:
Maksudnya:

“Kamu diwajibkan, apabila seseorang daripada kamu hampir mati, jika dia ada meninggalkan harta, (hendaklah

³ Mohd Zamro Muda & Mohd Syukri Jusoh. 2004. Kajian Mengenai Peruntukan Undang-undang Wasiat Wajibah di Selangor. *IsoIT*; 64-71.

dia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajipan atas orang-orang yang bertaqwa”

(al-Quran. Al-Baqarah (2): 180).

Ayat ini bermaksud, Allah SWT memfardukan kepada orang-orang Islam yang hampir mati dengan sebab-sebab tertentu seperti sakit yang boleh membawa kematian untuk mewasiatkan hartanya kepada ibu bapa dan kaum kerabatnya yang terdekat dan yang berhajat.

Selain itu, sebahagian para *fuqaha'* berpandangan bahawa wasiat ini diberi kepada ibu bapa dan kaum kerabat yang tidak dapat mewarisi harta si mati.

Menurut Ibnu Hazm, ayat ini mengkhususkan kepada sesiapa yang berhak mewarisi tetapi tidak dapat mewarisi kerana terlindung dengan para waris sebelumnya atau bukan waris.

Dalam keadaan ini, waris tersebut boleh diberikan bahagian harta berdasarkan firman Allah SWT yang lain, iaitu:

Maksudnya:

“Dan apabila kerabat (yang tidak berhak mendapat pusaka), dan anak-

anak yatim serta orang-orang miskin hadir ketika pembahagian (harta pusaka) itu, maka berikanlah kepada mereka sedikit daripadanya”

(al-Quran. Al-Nisa'(4): 8).

Ayat ini bersifat *muhkam* dan tidak dimansuhkan (dihapuskan). Menurut al-Tabariyy dan Abu Bakr bin ‘Abd al-Aziz, wasiat wajib dilakukan kepada ahli waris yang terhalang daripada pusaka kerana halangan syarak seperti bukan beragama Islam dan waris *dhu arham*.

Pandangan ini adalah merupakan pendapat Saad bin Abi Waqqas, Tawus, Qatadah, Jabir ibnu Zayd, Sa’id bin al-Musayyib, Hasan al-Basriyy, al-Tabariyy, Abu Bakr bin ‘Abd al-‘Aziz, satu riwayat daripada Ahmad bin Hanbal, Dawud al-Zahiriyy, Ibnu Hazm al-Andalusiyy, Ibn ‘Abd al-Barr, Ahmad Ibrahim Bik, al-Qaradawiyy⁴ dan Badran Abu al-‘Aynain yang menyatakan akan kewajipan menunaikan wasiat.

Walau bagaimanapun, hujahan dalil al-Quran bagi golongan ini dikritik kerana mempunyai perselisihan yang besar dengan pandangan sebahagian ahli tafsir.

Ini kerana sebahagian ahli tafsir mengatakan yang ayat tersebut dimansuhkan (dihapuskan) dengan ayat-ayat mengenai mirath

⁴ <http://qaradawi.net/new/all-fatawa/4424-2011-12-12-09-37-46>

(pewarisan) dan juga hadis Nabi SAW yang bermaksud, “*tidak ada wasiat bagi waris*”.

Abu Bakar al-Jaza’iriyy semasa mentafsirkan ayat Q2: 180 ini menyatakan bahawa hukum yang ada dalam ayat tersebut telah dimansuhkan (dihapuskan) dengan ayat-ayat mengenai *mawarith* (pewarisan).

Selain itu, hadis, “*tidak ada wasiat bagi waris*”⁵ ditafsirkan sebagai wasiat hanya khusus kepada bukan waris sahaja dan hendaklah tidak melebihi daripada 1/3 harta pusaka.

Namun sekiranya ingin diberikan lebih daripada 1/3 harta, ia diharuskankan dengan syarat mendapat keizinan daripada semua ahli waris.

Dalil keharusan wasiat adalah berdasarkan kepada hadis Sa’ad iaitu di mana Nabi SAW mengizinkannya untuk melakukan wasiat dengan kadar 1/3 harta.⁶

Selain itu, pandangan mereka yang menerima *wasiat wajibah* juga adalah disandarkan kepada hadis Nabi SAW yang menggalakkan dilakukan wasiat kepada kaum kerabat iaitu Ibnu ‘Umar meriwayatkan:
Maksud:

“*Tidaklah patut bagi seseorang*

⁵ Hadis. al-Nasa’iyy. no. 3641

⁶ Hadis. al-Bukhariyy. no. 4409

*Muslim yang mempunyai sesuatu harta yang hendak diwasiatkan, kemudian dibiarkan sehingga dua malam melainkan wasiatnya itu ada tertulis di sisinya*⁷.

Hadis ini menunjukkan tuntutan melakukan wasiat kepada setiap orang yang mempunyai harta.

Justeru, setiap orang sangat digalakkan untuk melakukan wasiat dan orang yang paling layak untuk diwasiatkan ialah kerabat yang tidak layak mewarisi harta pusaka.

Namun, hadis Ibnu ‘Umar ini membawa maksud wajib sekiranya seseorang itu mempunyai tanggungjawab yang perlu ditunaikan sama ada berbentuk “hak Allah” seperti zakat dan haji yang mana dikhuatiri tidak dapat dipenuhi sekiranya tidak diwasiatkan kepada seseorang untuk menunaikannya.

Demikian juga dengan “hak manusia” seperti harta *wadi’ah* (harta amanah yang disimpan) dan hutang yang belum ditunaikan.

Selain daripada hal-hal ini adalah disunatkan dan digalakkan untuk menulis wasiat.

Golongan ini juga berdalilkan kepada kaedah-kaedah syarak, iaitu para *fujaha’* menyandarkannya kepada kaedah *maslahah*

⁷ Hadis. Muslim. no. 2738

mursalah bagi memberi kebajikan kepada sebahagian waris terdekat yang terhalang daripada harta pusaka.

Ini kerana melalui pelaksanaan *wasiat wajibah*, akan membawa *maslahah* (kebaikan) untuk anak-anak yang terlindung daripada mewarisi harta pusaka dan boleh mengelakkan mereka daripada dikenakan dengan dua kerosakan (mudarat) iaitu musibah anak yatim piatu dan musibah terlindung daripada mewarisi harta.

Para *fuqaha'* juga menjustifikasikan hal ini dengan memastikan kelangsungan hidup mereka daripada harta tanggungan yang ditinggalkan oleh si mati terus diperolehi mereka.

Menurut Ibn 'Abd al-Barr, tiada perselisihan dalam kalangan *fuqaha'* untuk menjadikan wasiat kepada keluarga yang tidak menerima pusaka sekiranya miskin dan sangat memerlukan.

Dibenarkan juga konsep *wasiat wajibah* ini berdasarkan kaedah *siyasah shar'iyyah* bahawa pemerintah harus melakukan sesuatu perintah atau tindakan selagi ada kemaslahatan (kebaikan) umum manusia.

Sebagai contoh, harta orang murtad boleh dianggap sebagai harta rampasan perang dan boleh digunakan untuk perbelanjaan demi kepentingan orang Islam.

Maka perintah yang sama boleh dilaksanakan ke atas pewasiat yang tertinggal untuk melakukan wasiat.

PANDANGAN YANG TIDAK MENYOKONG

Pandangan yang menolak konsep *wasiat wajibah* adalah berpegang dengan pandangan bahawa hukum asal wasiat adalah sunat (*mandub*).

Rentetan daripada hukum tersebut, maka tiada hak *wasiat wajibah* untuk cucu menurut ketetapan syarak, melainkan di atas ihsan waris berdasarkan firman Allah SWT:

Maksudnya:

“Dan apabila kerabat (yang tidak berhak mendapat pusaka), dan anak-anak yatim serta orang-orang miskin hadir ketika pembahagian (harta pusaka) itu, maka berikanlah kepada mereka sedikit daripadanya”

(Al-Nisa' (4): 8).

Berdasarkan ayat tersebut, al-Qurtubiyy berpandangan bahawa yang sahih bagi maksud “berikanlah” itu adalah disunatkan bukannya wajib.

Pihak yang mengharuskan mendakwa bahawa hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu ‘Umar tersebut adalah bermaksud mewajibkan wasiat,

sedangkan maksud yang dikehendaki pada hadis tersebut adalah harus.

Golongan ini berpandangan bahawa pembahagian harta pusaka adalah ketetapan Allah SWT dan manusia tidak boleh mengatur sebaliknya.

Dengan kata lain, hikmah pembahagian faraid adalah rahsia milik Allah dan tiada sesiapa pun yang boleh mengatasinya dan mempertikaikannya.

Malah ketika Nabi SAW wafat, baginda tidak melakukan wasiat, demikian juga para Sahabat. Tidak seorang pun dalam kalangan mereka yang berwasiat atau telah beramal dengan kaedah *wasiat wajibah*.

Selain itu, sabda Nabi Muhammad SAW yang berbunyi:

Maksudnya:

“Allah SWT menyuruh kamu berwasiat dengan kaum kerabat yang terdekat dan terdekat”⁸.

Ini menunjukkan wasiat hendaklah dilakukan dalam keadaan biasa, bukan melalui tindakan undang-undang.

Sekiranya seorang cucu terhalang

⁸ Hadis Ahmad. No. 17187.

disebabkan wujud bersamanya anak si mati, maka cucu tersebut tertakluk kepada hukum faraid melainkan sekiranya cucu tersebut diberikan bahagian setelah dibenarkan oleh para waris yang lain.

Ini adalah pendapat majoriti *fuqaha'* yang terdiri daripada Hanafiyah (al-Humam, 2003; al-Sarakhsiyah, 1997; al-Rumiyyah, t.th), Malikiyyah (al-'Arabiyy al-Malikiyyah, 2003; al-Bajiyyah, 1332H; al-'Adawiyyah, t.th), Shafi'iyyah (al-Haytamiyyah, 2001; al-Ansariyyah, t.th), satu riwayat daripada kalangan Hanabilah (Qudamah, 1405H; Taymiyyah, 2005), al-Sha'biyyah (Qudamah, 1405H), al-Nakha'iyyah (Qudamah, 1405H, Ibn Hazm, t.th), al-Thawriyyah (al-Bajiyyah, 1332H), al-Awza'iyyah (al-Bajiyyah, 1332H), Ibn al-Mundhir (al-Qurtubiyyah, 2006), Abu Thawr (al-San'aniyyah, 2006), Ibn 'Abd al-Barr (1348H).

Selain itu, para imam yang empat juga tidak mengatakan akan kewajipan wasiat, bahkan mengatakan yang ia adalah sunat.

Justeru, berwasiat adalah salah satu daripada amalan-amalan yang baik, maka amalan baik tersebut hukumnya sunat.

PANDANGAN PENULIS

Berdasarkan pandangan daripada kedua-dua golongan di atas, ternyata bahawa para *fuqaha'* meletakkan hukum yang berbeza mengenai wasiat berdasarkan situasi tertentu.

Bagaimanapun dalam hal ini, keadaan para imam mazhab yang empat tidak melakukan *wasiat wajibah* pada zaman masing-masing tidak menunjukkan bahawa *wasiat wajibah* tidak dibenarkan.

Ini kerana, dalam setiap zaman dan tempat ada situasi yang berbeza yang sesuai dengan *ijtihad* (pandangan), *istinbat* (faedah dalam pengeluaran hukum) dan *maslahat* (kebijakan).

Justeru, hukum mengenai wasiat ini boleh menjadi sunat pada satu keadaan dan wajib pada keadaan yang lain ini hendaklah disesuaikan dengan zaman dan tempat.

Malah pihak pemerintah mempunyai bidangkuasa untuk berijtihad (memilih pandangan) dan mengeluarkan fatwa tertentu mengenainya selari dengan kaedah “*tidak mudarat dan tidak memudaratkan*”⁹

Kaedah ada mengatakan “apabila bertemu dua kerosakan, maka utamakan yang paling ringan kerosakannya”.

Justeru dalam hal ini, mudarat yang besar ialah halangan daripada mendapat harta *mirath* (pewarisan) dan mudarat yang kecil ialah jumlah harta *mirath* (pewarisan) yang didapatkan oleh ahli waris berkurangan.

⁹ Hadis.al-Hakim. no. 2345.

Jika diperhatikan, mudarat terhalang daripada harta *mirath* (pewarisan) lebih besar berbanding mendapat harta *mirath* (pewarisan) dengan jumlah yang kecil.

Oleh itu, perlu diutamakan mudarat yang kecil iaitu mengurangkan jumlah harta *mirath* (pewarisan) untuk diberikan harta kepada waris yang terhalang melalui *wasiat wajibah*.

Setelah meneliti dalil-dalil yang dikemukakan, penulis cenderung kepada pendapat yang mengharuskan *wasiat wajibah* kerana dalil-dalil yang dikemukakan oleh pihak yang mengharuskan adalah kuat, kecuali ayat al-Quran sebagaimana yang telah dibincangkan.

Sandaran kepada kaedah-kaedah umum syariat untuk mencapai objektif keadilan dan penggunaan dalil *al-maslahah al-mursalah* adalah tepat.

Penetapan yang dibuat oleh pihak berkuasa untuk mensabitkan *maslahah* (kebijikan) kepada waris adalah boleh diterima untuk mengelak daripada berlaku dua musibah kepada anak yatim iaitu kematian ibu atau bapanya dan terhalang daripada mendapat harta pusaka.¹⁰

¹⁰ Muhammad Fathullah Al Haq Muhamad Asnii & Jasni Sulong, *Fatwa Berhubung Wasiat Wajibah Dan Keseragaman Peruntukannya Dalam Fatwa Negeri-Negeri Di Malaysia*, Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies. Vol. 5. No. 1 (2016), hlm. 3-6.

KADAR BAHAGIAN WASIAT WAJIBAH

Dalam menentukan kadar atau bahagian yang perlu diberikan kepada penerima (*ashab wasiat wajibah*, enakmen-enakmen wasiat orang Islam bagi negeri-negeri yang terlibat menetapkan bahawa kadar tersebut hendaklah setakat apa yang diterima oleh bapa atau ibu kepada waris patah titi tersebut (cucu si mati) daripada harta pusaka datuknya atau neneknya dengan diandaikan bapa atau ibu itu masih hidup selepas kematian datuk atau neneknya dan kadar tersebut hendaklah dalam batasan 1/3 daripada harta pusaka si mati.

Perkara tersebut selalunya dapat dilihat dalam Seksyen 27(2), Enakmen Wasiat Orang Islam negeri-negeri yang berkenaan.

Berdasarkan kepada peruntukan tersebut, jelaslah bahawa kadar atau bahagian yang perlu diberi kepada cucu ialah sebanyak yang diterima oleh bapanya atau ibunya jika dia masih hidup setelah kematian datuk atau neneknya, dan bahagian itu tidak boleh melebihi 1/3 daripada harta pusaka si mati.

Sekiranya semasa hidupnya, datuk atau nenek itu telah memberi harta sama ada secara wasiat atau pemberian secara percuma kepada cucu tersebut dengan kadar yang kurang dari yang berhak diterima oleh cucu tersebut melalui *wasiat wajibah*, maka undang-undang atau hakim hendaklah menyempurnakan kadar yang

kurang itu berdasarkan peruntukan wasiat wajibah.¹¹

Contoh 1:

Datuk mati meninggalkan seorang isteri, seorang anak perempuan, seorang adik beradik kandung perempuan. Seorang anak lelaki mati awal, tetapi sempat melahirkan cucu yg patah titi.

Kita kena andaikan yang anak lelaki ini hidup. Kiraan faraidnya adalah sebagaimana berikut:

Isteri = 3/24

Anak lelaki = 14/24

Anak perempuan = 7/24

Tetapi 14/24 ini sudah lebih daripada 1/3. Maka hak cucu patah titi hanyalah 1/3 sebab ini adalah wasiat datuk yang diwajibkan wujudnya oleh kerajaan. Sebab itu dipanggil *wasiat wajibah*. Maka baki 2/3 tadi hendaklah dibahagi mengikut kiraan faraid.

Contoh 2:

Datuk mati meninggalkan seorang anak lelaki dan 5 anak perempuan. Seorang lagi anak

¹¹ Nurul Syafini Binti Abd Rahman, Noor Syahida bt Abdul Rahman, Nur Zulfah bt Md Abdul Salam, Norhayati Abd Ghani, dan Hasliza Talib, *Pemakaian Konsep Wasiat Wajibah Di Malaysia*, hlm. 6.

Waris Patah Titi

lelaki mati lebih awal daripada datuk dan sempat meninggalkan cucu waris patah titi.

Kita andaikan ayah kepada cucu itu masih hidup. Kiraan faraidnya ialah:

Anak lelaki $4/9$ setiap seorang dapat $2/9$.
Anak perempuan $5/9$ setiap seorang dapat $1/9$.
Jadi cucu waris patah titi dapat $2/9$ memang tidak lebih $1/3$ bahagian.

Tidak kiralah berapa ramai cucu yang patah titi tadi, mereka berkongsi dari jumlah yang mereka dapat tadi.

SYARAT-SYARAT PELAKSANAAN WASIAT WAJIBAH

Syarat-Syarat Pelaksanaan Wasiat Wajibah	
Cucu terbabit bukanlah waris faraid	Cucu terbabit tidak menerima wasiat ikhtiarriyyah
Jika cucu terbabit menerima wasiat ikhtiarriyyah yang kurang, wasiat wajibah mencukupkan	Jika cucu terbabit menerima wasiat ikhtiarriyyah yang lebih, perlu dapat izin dari waris faraid yang lain

Selalunya syarat bagi penerima *wasiat wajibah* adalah seperti berikut:

- i. Cucu terbabit bukanlah terdiri daripada waris yang berhak mendapat pusaka si mati sama ada sedikit atau banyak, atau dengan kata lain cucu tersebut mestilah dihalang atau didinding oleh ibu atau bapa saudaranya daripada menerima harta pusaka.
- ii. Si mati hendaklah tidak memberikan kepada cucunya yang berhak itu sesuatu dari hartanya yang menyamai nilai kadar *wasiat wajibah* tanpa menerima apa-apa balasan daripada cucu tersebut.
- iii. Si mati tidak berwasiat kepada cucunya itu dengan kadar yg sepatutnya diterima melalui *wasiat wajibah*.

Namun sekiranya pemberian atau wasiat tersebut kurang daripada jumlah yang sepatutnya diterima oleh cucu itu, maka bahagian yang kurang itu perlulah dicukupkan melalui *wasiat wajibah*.

Sekiranya pemberian atau wasiat tersebut melebihi dari bahagian yang dia berhak, maka bahagian yang lebih itu akan menjadi wasiat sukarela atau *ikhtiarriyyah* yang bergantung kepada persetujuan waris-waris si mati yang lain.¹²

Perbincangan tentang pelaksanaan *wasiat wajibah* di negara kita ini akan membawa antara lain kepada perbincangan mengenai

¹² *Ibid.*, hlm. 6.

sama ada *wasiat wajibah* ini terpakai kepada cucu dari anak lelaki sahaja, atau termasuk juga cucu dari anak perempuan. Isu seterusnya adalah tentang pembahagian sesama cucu itu sendiri pula sama ada secara sama rata, atau secara *ta'sib* (2 nisbah 1), dan juga beberapa isu lain.



Cucu dari anak lelaki sahaja, atau termasuk cucu dari anak perempuan

Pembahagian antara cucu lelaki dan cucu perempuan, secara sama rata, atau secara *ta'sib* 2:1

Isu-isu berkaitan *wasiat wajibah*

Kelantan, Selangor, Pahang

- Cucu dari anak lelaki dan dari anak perempuan berhak
- Pembahagian secara *ta'sib*

Negeri Sembilan, Melaka, Sabah

- Cucu dari anak lelaki sahaja yang berhak
- Tidak dinyatakan sama ada pembahagian secara sama rata atau *ta'sib*

PERBEZAAN PERUNTUKAN

CUCU DARI ANAK LELAKI SAHAJA ATAU TERMASUK CUCU DARI ANAK PEREMPUAN?

Mengikut penelitian penulis ke atas enakmen-enakmen wasiat di negara kita, dapatlah penulis simpulkan bahawa bagi Negeri Kelantan, Selangor dan Pahang, cucu dari anak lelaki dan cucu dari anak perempuan kedua-duanya berhak kepada *wasiat wajibah*.¹³

Berlainan halnya bagi Negeri Sembilan, Melaka, dan Sabah yang hanya membenarkan pemakaian *wasiat wajibah* kepada cucu dari anak lelaki sahaja.¹⁴

¹³ Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Selangor 1999 (Pindaan 2016). Seksyen 27. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), jika seorang datuk atau nenek mati tanpa membuat apa-apa wasiat kepada **cucu daripada anak lelakinya atau anak perempuannya** yang mati terlebih dahulu daripada datuk atau nenek itu atau yang mati serentak dengan datuk atau nenek itu, cucu itu berhak mendapat wasiat wajibah.

¹⁴ Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Sabah 2018. Seksyen 27. (1) Jika seseorang mati tanpa membuat apa-apa wasiat kepada **cucu daripada anak lelakinya** yang mati terlebih dahulu daripadanya atau mati serentak dengannya, maka cucu itu hendaklah berhak terhadap satu pertiga daripada harta pusakanya dan, sekiranya cucu itu diberi dengan kadar yang kurang daripada satu pertiga, haknya hendaklah disempurnakan mengikut kadar wasiat wajibah yang diperuntukkan di bawah seksyen ini.

Ini mungkin kerana cucu dari anak perempuan adalah waris *zawil arham*, maka sebagaimana mereka tidak layak mewarisi secara terus daripada datuk bagi pewarisan secara faraid, maka mereka juga tidak layak menerima *wasiat wajibah*.

KAEDAH PEMBAHAGIAN SESAMA CUCU

Mengenai isu pembahagian antara cucu lelaki dan cucu perempuan pula, Negeri Kelantan, Selangor dan Pahang memperuntukkan bahawa pembahagian sesama mereka jika wujud secara setaraf, hendaklah dibahagikan secara *ta'sib* (dua nisbah satu) mengikut cara pembahagian faraid.¹⁵

Walau bagaimanapun, di Negeri Sembilan, Melaka, dan Sabah, tiada peruntukan khusus tentang cara pembahagian sesama cucu lelaki dan cucu perempuan jika kewujudan mereka secara setaraf sama ada dibahagikan secara *ta'sib* (dua nisbah satu) atau sama rata.

CUCU SAHAJA ATAU CUCU DAN WARIS KE BAWAH?

Berkenaan isu sama ada *wasiat wajibah* juga terpakai kepada waris yang lebih ke bawah dari cucu iaitu cicit, ciut, ciat dan seterusnya,

¹⁵ Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Selangor 1999 (Pindaan 2016). Seksyen 27B. (c) jika terdapat gabungan cucu lelaki dan perempuan, pembahagian wasiat wajibah hendaklah mengikut **nisbah yang telah ditentukan oleh hukum faraid** bagi anak lelaki dan perempuan.”.

setakat hari ini, amalan di negara kita hanyalah setakat cucu sahaja. Dalam enakmen wasiat negeri-negeri pun hanyalah perkataan cucu yang disebut. Dari segi perbandingan peruntukan *wasiat wajibah* di negara-negara luar sekalipun, terdapat perbezaan peruntukan tentang isu ini.

PERSOALAN-PERSOALAN LAIN

Selain itu, persoalan yang mungkin timbul ialah bagaimana sekiranya *usul* (ibu atau bapa) kepada *ashab* (penerima) *wasiat wajibah* merupakan seseorang yang terhalang daripada mendapat harta pusaka disebabkan dia seorang pembunuhan, hamba atau berlainan agama.

Dalam hal ini, *ashab* (penerima) *wasiat wajibah* tidak berhak mendapat *wasiat wajibah* kerana dia dianggap sebagai ganti tempat *usulnya*.

Walau bagaimanapun, sebahagian ulama` berpendapat bahawa *ashab wasiat wajibah* masih berhak mendapat *wasiat wajibah* kerana tujuan ia diqanunkan untuk menangani masalah kerabat yang tidak dapat mewarisi harta pusaka kerana dihijab atau *usulnya* ditegah daripada mewarisi.

Dalam permasalahan lain pula, iaitu jika *usul* yang mati lebih awal dari ibu bapanya itu tidak berhak mendapat pusaka tetapi dia meninggalkan *furu'* (anak) yang berlainan agama dengannya dan dengan si mati (datuk atau nenek), maka dalam permasalahan ini terdapat

dua pendapat iaitu:

- i. *Furu'* tersebut berhak mendapat *wasiat wajibah* kerana undang-undang tidak menetapkan syarat satu agama dan layak menerima pusaka sebagai asas untuk mendapatkan wasiat tersebut.

Ini kerana berlainan agama tidak menghalang sahnya sesuatu wasiat dan tidak menghalang wajibnya wasiat bagi golongan yang berpendapat wajibnya wasiat kepada kerabat yang tidak mendapat pusaka.

- ii. *Furu'* tersebut tidak berhak mendapat wasiat. Ini dapat dilihat dalam peruntukan tersebut yang hanya mengkhususkan kepada cucu-cucu sahaja sebagai ganti kepada apa yang telah luput dari harta pusaka yang patut diperolehi oleh ibu bapanya, dan sebagai ganti cucu-cucu tersebut diberi atas nama *wasiat wajibah* atau *wasiat qanuniyyah*.

Oleh itu tujuan peruntukan itu dibuat adalah sebagai satu gantian. Jika diandaikan bahawa *usul* tersebut masih hidup ketika kematian ibu bapanya seterusnya dia mewarisi harta si mati, kemudian *usul* tersebut mati dengan meninggalkan *furu'* yang berlainan agama dengannya, maka dalam keadaan ini, *furu'*nya itu tidak layak menerima pusakanya.


Di atas alasan inilah, menurut pendapat kedua ini, *furu'* yang berlainan agama dengan *usulnya* tidak berhak mendapat wasiat.

Walau bagaimanapun, segala pertikaian berhubung syarat-syarat untuk melayakkan seseorang itu diklasifikasikan sebagai *ashab* (penerima) *wasiat wajibah* hendaklah dibawa ke mahkamah untuk menentukan kedudukan cucu-cucu tersebut seterusnya memutuskan adakah mereka berhak mendapat *wasiat wajibah* atau sebaliknya.

Selain itu adalah perlu bagi ahli perundangan menjelaskan permasalahan di atas bagi merungkaikan segala kekusutan dan menangani pertikaian yang dikhuatiri akan berlaku.¹⁶

¹⁶ Nurul Syafini Binti Abd Rahman, Noor Syahida bt Abdul Rahman, Nur Zulfah bt Md Abdul Salam, Norhayati Abd Ghani, dan Hasliza Talib, *Pemakaian Konsep Wasiat Wajibah Di Malaysia*, hlm. 7.

FATWA BERKAITAN WASIAT WAJIBAH DI MALAYSIA



Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-83 yang bersidang pada 22 - 24 Oktober 2008 telah membincangkan mengenai Hukum Pelaksanaan *Wasiat Wajibah*.

Muzakarah menegaskan bahawa Islam amat menitikberatkan kebajikan dan kesempurnaan hidup umatnya, terutama anak-anak yang kehilangan ahli keluarga mereka.

Oleh itu, Muzakarah berpandangan bahawa dalam melaksanakan *wasiat wajibah* adalah harus mengambil pandangan yang menyatakan bahawa berwasiat kepada ahli-ahli waris (seperti cucu) yang tidak mendapat pusaka disebabkan halangan-halangan tertentu adalah

merupakan suatu kewajipan yang perlu dilaksanakan.

Oleh yang demikian, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa dalam kes di mana seorang anak yang bapa atau ibunya mati terlebih dahulu daripada datuk atau neneknya, anak tersebut iaitu cucu berhak untuk menerima *wasiat wajibah* dengan mengambil bahagian faraid bapa atau ibunya pada kadar tidak melebihi 1/3 daripada harta pusaka datuk atau nenek.

Sekiranya bahagian ibu atau bapa adalah 1/3 atau kurang daripada 1/3, maka pembahagian tersebut hendaklah dilaksanakan pada kadar tersebut. Sekiranya bahagian tersebut melebihi 1/3 maka hendaklah dikurangkan pada kadar tidak melebihi 1/3.

Pelaksanaan *wasiat wajibah* adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

- i. Anak lelaki dan perempuan daripada anak lelaki dan anak perempuan (cucu) ke bawah adalah layak untuk menerima wasiat wajibah.
- ii. Hendaklah kedua ibu atau bapa mereka meninggal dunia terlebih dahulu daripada datuk atau nenek atau ibu atau bapa meninggal dunia serentak dengan datuk atau nenek dalam kejadian yang sama atau berlainan.
- iii. Cucu lelaki dan perempuan bukan merupakan waris kepada harta pusaka datuk. Sekiranya

mereka merupakan waris ke atas harta pusaka secara *fard* atau *ta'sib*, maka mereka tidak layak untuk mendapat *wasiat wajibah* walaupun bahagiannya sedikit berbanding wasiat wajibah.

iv. Sekiranya anak lelaki atau anak perempuan berlainan agama dengan ibu atau bapa atau terlibat dengan pembunuhan ibu atau bapa, maka dia tidak berhak untuk mendapat *wasiat wajibah* daripada harta pusaka datuk.

v. Sekiranya datuk atau nenek telah memberikan harta kepada cucu melalui hibah, wakaf, wasiat dan sebagainya dengan kadar yang sepatutnya diterima oleh anak lelaki atau anak perempuan mereka sekiranya mereka masih hidup, cucu tidak lagi berhak untuk mendapat *wasiat wajibah*.

Sekiranya pemberian tersebut adalah kurang daripada hak yang sepatutnya diterima oleh cucu daripada bahagian anak lelaki atau anak perempuan. Maka hendaklah disempurnakan bahagian tersebut.

vi. Anak akan mengambil bahagian faraid bapa atau ibu yang meninggal dunia terlebih dahulu daripada datuk atau nenek dan kadar tersebut hendaklah tidak melebihi kadar $\frac{1}{3}$ daripada nilai harta pusaka. Sekiranya bahagian tersebut adalah $\frac{1}{3}$ atau kurang daripada $\frac{1}{3}$, maka pembahagian tersebut hendaklah dilaksanakan pada kadar tersebut.

Sekiranya bahagian tersebut melebihi $\frac{1}{3}$ maka hendaklah dikurangkan pada kadar $\frac{1}{3}$

melainkan setelah mendapat persetujuan ahli-ahli waris yang lain.

vii. Pembahagian *wasiat wajibah* boleh dilaksanakan setelah didahului urusan berkaitan mayat, wasiat *ikhtiyariyyah* dan hutang piutang.

viii. Pembahagian *wasiat wajibah* kepada cucu-cucu yang berhak adalah berdasarkan kepada prinsip faraid iaitu seorang lelaki menerima bahagian 2 orang perempuan.¹⁷

WASIAH WAJIBAH DI SELANGOR; CUCU ATAU KANAK-KANAK?¹⁸

Isu yang timbul adalah berkaitan kekeliruan pemakaian istilah ‘cucu’ dan ‘kanak-kanak’ sepertimana yang terkandung dalam S.27 Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999.

Seksyen tersebut menyatakan:

Seksyen 27. Wasiat kepada **cucu.**

(1) Jika seseorang mati tanpa membuat apa-apa wasiat kepada cucunya daripada anak lelakinya

¹⁷ Nurul Syafini Binti Abd Rahman, Noor Syahida bt Abdul Rahman, Nur Zulfah bt Md Abdul Salam, Norhayati Abd Ghani, dan Hasliza Talib, *Pemakaian Konsep Wasiat Wajibah Di Malaysia*, hlm. 7-8.

¹⁸ Isu ini sebenarnya sudah selesai apabila pindaan telah dibuat dan digazet pada 3 Januari 2017. Penulis mengekalkan perbincangan dalam buku ini sebagai bahan akademik untuk rujukan sahaja.

yang telah mati terlebih dahulu daripadanya atau mati serentak dengannya, maka **cucunya** itu hendaklah berhak terhadap satu pertiga wasiat dan, sekiranya cucu itu diberi dengan kadar yang kurang dari satu pertiga, haknya hendaklah disempurnakan mengikut kadar wasiat wajibah yang diperuntukkan di bawah seksyen ini.

(2) Kadar wasiat wajibah untuk **kanak-kanak** yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah setakat kadar di mana ayahnya berhak daripada harta pusaka datuknya sekiranya diandaikan ayahnya itu mati selepas kematian datuknya:

Dengan syarat wasiat itu tidak melebihi satu pertiga daripada harta pusaka simati.

(3) **Kanak-kanak** tersebut hendaklah tidak berhak kepada wasiat sekiranya dia telah mewarisi daripada datuk atau neneknya, mengikut mana berkenaan, atau datuk atau neneknya semasa hayatnya, dan tanpa menerima apa-apa balasan, telah membuat wasiat kepada mereka atau telah memberi kepada mereka harta yang bersamaan dengan apa yang mereka sepatutnya menerima menurut wasiat wajibah:

Dengan syarat sekiranya wasiat yang dibuat oleh datuk atau nenek itu kurang daripada bahagian yang sepatutnya dia berhak, haknya hendaklah ditambah sewajarnya dan jika bahagian tersebut adalah melebihi bahagian yang dia berhak, bahagian yang lebih itu hendaklah menjadi

wasiat sukarela dengan tertakluk kepada persetujuan waris.

Isu yang berbangkit daripada pemakaian S.27 ini adalah berkaitan penggunaan istilah ‘cucu’ dan ‘kanak-kanak’ yang tidak konsisten. Sub-seksyen (1) menggunakan istilah ‘cucu’ manakala sub-seksyen (2) menggunakan istilah ‘kanak’kanak’. Impak daripada perbezaan penggunaan istilah ini adalah besar kerana istilah ‘cucu’ akan digunakan tanpa mengira had umur seseorang manakala istilah ‘kanak-kanak’ akan memberikan maksud kanak-kanak yang belum cukup umur. Umur yang dianggap dewasa di Malaysia adalah umur 18 tahun yang mana pada umur sebegini seseorang sudah boleh mempunyai harta sendiri.

Manakala, penggunaan ini adalah konsisten di dalam versi Bahasa Inggeris yang mana menggunakan istilah ‘grand children’ yang membawa maksud ‘cucu’. Di dalam Bahasa Inggeris, seorang kanak-kanak bawah umur biasanya menggunakan istilah ‘minor’.

Kewajipan melaksanakan *wasiyah wajibah*

Secara umumnya terdapat dua pendapat ulama' tentang Firman Allah s.w.t. pada surah al-Baqarah (2) ayat 180.

"Kamu diwajibkan, apabila seseorang dari kamu hampir mati, jika ia ada meninggalkan harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik

(menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajipan atas orang-orang yang bertakwa."¹⁹

Pendapat pertama menyatakan bahawa wasiat adalah tidak wajib. Pendapat ini dipegang oleh kesemua Imam yang empat dan golongan syiah zaidiyyah. Mereka berpendapat hukum wasiat kepada selain ahli waris adalah harus sahaja. Ayat berkaitan kewajipan berwasiat di atas telah dinasakhkan hukumnya setelah diturunkan ayat mengenai pembahagian pusaka kepada waris. Contoh ayat pusaka adalah sebagaimana firman Allah s.w.t. di dalam surah an-Nisa' (4) ayat 12:

"Dan bagimu (suami) seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isterimu, jika mereka tidak mempunyai anak. Jika isteri-isterimu itu mempunyai anak, maka kamu mendapat seperempat dari harta yang ditinggalkannya sesudah dipenuhi wasiat yang mereka buat atau (dan) sesudah dibayar hutangnya para isteri memperoleh seperempat harta yang kamu tinggalkan jika kamu tidak mempunyai anak. Jika kamu mempunyai anak, maka para isteri memperoleh seperlapan dari harta yang kamu tinggalkan sesudah dipenuhi wasiat yang kamu buat atau (dan) sesudah dibayar hutang-hutangmu. Jika seseorang mati, baik lelaki maupun perempuan yang tidak meninggalkan ayah dan tidak meninggalkan anak, tetapi mempunyai seorang saudara lelaki

¹⁹ Al-Baqarah 2:180

(seibu sahaja) atau seorang saudara perempuan (seibu sahaja), maka bagi masing-masing dari kedua jenis saudara itu seperenam harta. Tetapi jika saudara-saudara seibu itu lebih dari seorang, maka mereka bersekutu dalam yang sepertiga itu, sesudah dipenuhi wasiat yang dibuat olehnya atau sesudah dibayar hutangnya dengan tidak memberi mudharat (kepada ahli waris). (Allah menetapkan yang demikian itu sebagai) syari'at yang benar-benar dari Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Penyantun."²⁰

Pendapat kedua menyatakan bahawa wasiat adalah wajib. Pendapat ini dipegang oleh Imam Daud Al-Zahiri, Masruq, Tawus, Abas dan Qatadah. Mereka berpendapat wajib berwasiat kepada ibu bapa dan kaum kerabat yang tidak mendapat bahagian harta pusaka. Malah Ibn Hazm berpendapat bahawa kewajipan itu tidak akan gugur dengan kematian seseorang, dan kerana itu beban itu berpindah kepada warisnya atau pentadbir hartanya untuk menyempurnakan tanggungjawab itu menurut kadar yang berpatutan tanpa menimbulkan kesusahan kepada waris-waris yang ditinggalkan.

Pendapat kedua ini sebenarnya telah menggabungkan pengertian di antara ayat wasiat dan ayat pewarisan bagi mewujudkan konsep *wasiat wajibah* yang selaras dengan kehendak syarak dan berkesan dilaksanakan

²⁰ Al-Nisa' 4:12

kepada kaum keluarga terdekat yang terlindung daripada bahagian pusaka.

Dalam konteks negeri Selangor Darul Ehsan, kewajipan untuk membuat *wasiat wajibah* tidak timbul lagi setelah Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 telah digubal dan dikuatkuasakan. Peruntukan S.27 Enakmen itu jelas menyatakan pemakaian *wasiat wajibah* di negeri ini.

Peruntukan tentang *wasiat wajibah* juga terdapat di beberapa negara Islam seperti Undang-undang Wasiat Mesir 1946, Undang-undang Keluarga Islam Syria 1953, dan Undang-undang Keluarga Islam Pakistan 1961.²¹

Isu – samada hanya kanak-kanak di bawah umur sahaja yang berhak mendapat wasiat wajibah atau pun meliputi kesemua cucu tanpa mengira had umurnya

Seksyen 27 Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 (selepas ini dirujuk sebagai "EWOIS") telah menerima pakai konsep wasiat wajibah di Selangor. Hanya satu isu sahaja yang menjadi persoalan tentang seksyen 27 EWOIS ini iaitu tentang penggunaan

²¹ Ulasan mengenai kedudukan wasiat wajibah di negara-negara berkenaan boleh di rujuk di dalam artikel oleh Saharuddin bin Hj Selamat, Kedudukan Wasiat Wajibah Dalam Islam dan Perlaksanaannya dalam Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999, *Jurnal Hukum*, Jld XX Bhg I Sya'ban 1426/September 2005 hlm 31-33.

perkataan 'cucu' pada klausa (1), sedangkan perkataan 'kanak-kanak' digunakan dalam klausa (2) dan (3) seksyen 27 tersebut. Hujahan penulis bahawa perkataan kanak-kanak itu sebenarnya merujuk kepada maksud cucu tanpa mengira had umur cucu tersebut.

A. Penderafan EWOIS adalah tidak cermat dan penggunaan perkataan 'kanak-kanak' adalah pemilihan perkataan yang tidak tepat

Penggunaan perkataan 'kanak-kanak' pada klausa (2) dan (3) seksyen 27 EWOIS adalah tidak konsisten dengan klausa (1) sebelumnya. Perkataan 'cucu' disebut dengan jelas pada klausa (1).

Perkataan 'kanak-kanak' yang disebut dalam subseksyen (2) dengan jelas merujuk kembali kepada subseksyen (1) sebagaimana berikut:

"Kadar wasiat wajibah untuk kanak-kanak yang disebut dalam subseksyen (1)..."

Sedangkan tiada pun perkataan kanak-kanak dalam subsyeksen (1). Apa sebenarnya yang dirujuk oleh subseksyen (2) tersebut? Yang ada pada subseksyen (1) adalah perkataan 'cucu'. Ternyata perkataan 'kanak-kanak' pada subseksyen (2) hanyalah kesilapan teknikal yang tidak boleh digunakan sebagai hujah untuk menafikan hak cucu.

Jadi, apabila subseksyen (2) merujuk kepada subseksyen (1), pastilah perkataan pada subseksyen (1) lebih mengatasi dan lebih tepat pada maknanya. Oleh itu, maksud penggubal undang-undang di sini ialah cucu, bukan kanak-kanak.

Hal yang sama berlaku pada subseksyen (3) seksyen 27 EWOIS yang pastinya juga merujuk kepada subseksyen (1) yang merujuk kepada cucu secara umum dan bukan kanak-kanak.

Pandangan ini selari dengan pendapat Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor, Datin Paduka Zauyah Be bt T. Loth Khan sebagaimana yang dinyatakan dalam surat yang ditujukan kepadanya yang memohon penjelasan maksud S.27 EWOIS ini. Beliau menyatakan:

“Kamar berpandangan bahawa peruntukan seksyen 27(2) hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan seksyen 27(1) Enakmen Wasiat Negeri Selangor 1999. Subseksyen 27(2) menyebut “kanak-kanak yang disebut dalam subseksyen 1” adalah merujuk kepada cucu sebagaimana peruntukan seksyen 27(1) Enakmen Wasiat Negeri Selangor 1999.

Kamar berpandangan tafsiran di atas adalah selari dengan terjemahan enakmen ini dalam bahasa Inggeris yang menggunakan perkataan ‘grandchildren’ dan juga selari dengan fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang telah diwartakan

pada 6/1/2011 berkaitan dengan Hukum Perlaksanaan Wasiyat Wajibah. Oleh yang demikian, kanak-kanak yang disebut dalam subseksyen 27(2) tanpa mengira umur adalah berhak mendapat wasiat wajibah".

B. Niat asal penggubal undang-undang

Niat asal penggubal undang-undang ini dapat dirujuk dalam Rang Undang-undang Wasiat Orang Islam Selangor 1999, Haji Mohd Zawawi Bin Haji Salleh, selaku Penasihat Undang-undang Negeri Selangor yang terdahulu, dalam penerangan berhubung peruntukan wasiat wajibah menulis sebagaimana berikut:

"Fasal 27 memperkatakan tentang hak dan bahagian cucu lelaki atau perempuan yang telah kematian bapa atau ibu sebelum terbuka warisan daripada orang tua masing-masing, sedangkan kemungkinan orang tua tersebut (iaitu datuk atau nenek kepada cucu berkenaan) ada meninggalkan harta kepada anak-anak mereka yang lain yang merupakan bapa saudara atau ibu saudara yang menyebabkan cucu yang kematian bapa atau ibu itu terhalang daripada mendapat bahagian harta peninggalan datuk atau neneknya. Bagi mengatasi masalah ini, bahagian cucu-cucu tersebut diberikan secara tetap sebanyak satu pertiga daripada peninggalan wasiat."

Jelas, tiada langsung perkataan 'kanak-kanak' digunakan dalam penerangan tentang

Fasal 27 Rang Undang-undang Wasiat Orang Islam Selangor 1999 dan jelas peruntukan tersebut adalah bertujuan melindungi hak cucu tanpa had umur.

Di dalam kes Mustapha Bin Ismail (Dalam Perkara Pembahagian Harta Pusaka Simati Che Fatimah Binti Abdul Razak)²² Yang Arif Tuan Abu Bakar bin Hj. Mohd Daud dalam alasan penghakimannya menyatakan sebagaimana berikut:

"Mahkamah berpendapat pengertian 'cucu' dari segi bahasa adalah lebih menepati kehendak keadilan. Perkara ini juga didasarkan kepada penggunaan peruntukan Seksyen 27(2) undang-undang yang sama di dalam versi Bahasa Inggeris..."

Sementara itu, versi bahasa Inggeris Seksyen 27(2) dan (3) EWOIS secara konsisten menggunakan perkataan '*grandchildren*' yang jika diterjemahkan bererti 'cucu'. Sekiranya undang-undang menghendaki maksud 'kanak-kanak', terjemahan dalam bahasa Inggeris sepatutnya ditulis sebagai '*children*' atau '*minor*', dan bukannya '*grandchildren*'.

EWOIS kemudiannya telah diikuti dalam penggubalan peruntukan tentang wasiat wajibah di Melaka dan Negeri Sembilan. Kedua-dua negeri ini menggunakan perkataan 'cucu'.

²² JH 28 BHG. 1 1430H hlm. 69

Seksyen 27(2) Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 menyatakan,

“(2) Kadar wasiat wajibah cucu hendaklah setakat kadar bahagian ayahnya dalam harta pusaka datuknya yang mati, dengan andaian bahawa ayahnya itu mati selepas kematian datuknya: Dengan syarat bahawa wasiat itu tidak melebihi satu pertiga daripada harta pusaka si mati.”

Seksyen 27(2) Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005 menyatakan,

“(2) Kadar wasiat wajibah cucu hendaklah setakat kadar bahagian ayahnya dalam harta pusaka datuknya yang mati, dengan andaian bahawa ayahnya itu mati selepas kematian datuknya: Dengan syarat bahawa wasiat itu tidak melebihi satu pertiga daripada harta pusaka si mati.”

Seterusnya Yang Arif Tuan Abu Bakar bin Hj. Daud membuat kesimpulan sebagaimana berikut:

"Perkataan 'cucu' di sini membawa pengertian yang lebih luas, tanpa mengikat tahap umur penerima wasiat wajibah berbanding perkataan 'kanak-kanak' sesuai dengan kehendak hukum syarak. Justeru, adalah dicadangkan kepada pihak berkuasa undang-undang yang bertanggungjawab untuk meneliti, menyemak perbezaan perkataan yang wujud dalam EWOIS dari sudut penggunaan perkataan

Melayu Inggeris dan membuat apa-apa pindaan yang sesuai."

Datin Paduka Zauyah Be, Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor juga menyatakan bahawa EWOIS dalam proses disemak untuk dibuat pindaan mengikut keperluan dan perubahan yang berlaku. Sebuah jawatankuasa juga telah dilantik oleh MAIS untuk menyemak dan membuat pindaan tersebut.

C. Penggunaan teks Bahasa Melayu menurut Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Pindaan 1971)

Seksyen 6 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Pindaan 1971) ("Akta 32") menyatakan,

"Teks bagi:

- (a) Segala Rang Undang-Undang yang akan dikemukakan atau pindaan-pindaan kepadanya yang akan dicadangkan dalam Parlimen atau mana-mana Dewan Negeri;
- (b) Segala Akta Parlimen dan segala perundangan kecil yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan;
- (c) Segala Enakmen dan perundangan kecil yang dikeluarkan oleh mana-mana Kerajaan Negeri; dan
- (d) Segala Ordinan yang diisyiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong;

hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan dalam bahasa Inggeris, dan teks dalam bahasa kebangsaan itulah sahih melainkan jika Yang di-Pertuan Agong menetapkan sebaliknya sama ada secara am atau bagi mana-mana undang-undang atau jenis undang-undang tertentu.”

Wan Arfah Wan Hamzah dalam artikelnya ‘Bahasa Malaysia Dalam Bidang Undang-Undang – Pencapaian Dan Cabaran’ hlm 227, ketika mengulas mengenai pemakaian S.6 Akta Bahasa Kebangsaan ini di Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara menyatakan,

“Kini kesemua perundangan yang diluluskan selepas 1 September 1967 mempunyai versi bahasa Malaysia serta versi bahasa Inggeris. Kesemua perundangan ini mula-mulanya digubal dalam bahasa Inggeris, kemudian barulah diterjemah ke bahasa Malaysia. Ini masih amalan Bahagian Gubalan pada masa kini – amalan yang membawa masalah.”

Selanjutnya beliau menyatakan di hlm 249-250,

“Di Malaysia belum wujud prinsip penggubalan untuk menggubal undang-undang dalam bahasa Malaysia. Sebabnya ialah undang-undang masih digubal dalam bahasa Inggeris kerana penggubal perundangan yang ada dididik dan belajar ilmu undang-undang dalam bahasa Inggeris. Mereka masih berfikir dalam bahasa Inggeris.

Penggubalan undang-undang dalam bahasa Inggeris tidak menyalahi Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67. Seksyen 6 Akta itu hanya menyatakan bahawa teks kesemua perundangan hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan dalam bahasa Inggeris. Tetapi, oleh sebab seksyen itu menetapkan bahawa teks dalam bahasa kebangsaan sahif kecuali jika Yang di-Pertuan Agong menetapkan sebaliknya, maka adalah lebih lojik jika undang-undang digubal dalam bahasa kebangsaan dan kemudian diterjemah ke bahasa Inggeris.”²³

Oleh itu, rujukan kepada istilah ‘kanak-kanak’ dalam S. 27(2)(3) EWOIS itu adalah hanya kesilapan penggubalan kerana kelazimannya undang-undang digubal dalam bahasa Inggeris dan kemudiannya barulah diterjemah ke dalam bahasa kebangsaan.

Selanjutnya, meskipun S.6 Akta Bahasa Kebangsaan ini menyatakan teks sahif adalah dalam bahasa kebangsaan tetapi prinsip ini adalah prinsip yang dipakai secara umum. Jika berlaku pertentangan dengan sesuatu kes yang spesifik dan khusus seperti dalam S.27(2)(3) ini maka, Mahkamah sebagai badan interpretasi undang-undang hendaklah memberikan pentafsiran yang sewajarnya menurut hasrat

²³ Rujuk Wan Arfah Wan Hamzah, ‘Bahasa Malaysia Dalam Bidang Undang-Undang – Pencapaian Dan Cabaran’ dalam *Makalah Undang-Undang Menghormati Ahmad Ibrahim*, DBP, Kuala Lumpur (1997).

penggubal itu sendiri dan mengikut kemunasabahan perundangan tersebut.

Glanville Williams dalam bukunya, *Mempelajari Undang-Undang* (terjemahan: Johan Shamsuddin Sabaruddin dan Talat Mahmood) hlm 126-132 menyatakan bahawa para hakim perlu menggunakan prinsip ‘Rukun Keemasan’ (Golden Rule) untuk mengelakkan keadaan tidak munasabah.

Ketika menjelaskan hal ini, penulis menyatakan bahawa kaedah ini membenarkan mahkamah memilih makna yang munasabah daripada makna yang tidak masuk akal, apabila kedua-duanya boleh diterima dari segi linguistik. Walaupun makna yang tidak munasabah itu lebih nyata dan biasa, ini tidak akan diambil kira. Pemakaian rukun keemasan tidak bertentangan dengan rukun harafiah asalkan akibat tidak munasabah yang terjadi sekiranya statut dipakai sebegitu, diterima sebagai sesuatu kekaburuan dalam statut itu.

Seterusnya, penulis mengambil pendapat Professor Cross, ‘Hakim boleh memberi makna kepada sesuatu perkataan yang beliau rasakan perlu tersirat oleh perkataan-perkataan yang telah ada dalam statut itu dan beliau mempunyai kuasa yang terhad untuk menambah, mengubah atau tidak mempedulikan perkataan-perkataan statutory untuk mengelakkan sesuatu peruntukan daripada menjadi tidak difahami,

aneh atau tidak munasabah, tidak berfungsi atau tidak sealiran dengan kedudukan statut.”²⁴

D. Kedudukan Hukum Syarak dan pandangan ulama

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-83 yang bersidang pada 22 - 24 Oktober 2008 telah membincangkan mengenai Hukum Pelaksanaan Wasiat Wajibah. Muzakarah menegaskan bahawa Islam amat menitikberatkan kebaikan dan kesempurnaan hidup umatnya, terutama anak-anak yang kehilangan ahli keluarga mereka. Oleh itu, Muzakarah berpandangan bahawa dalam melaksanakan Wasiat Wajibah adalah harus mengambil pandangan yang menyatakan bahawa berwasiat kepada ahli-ahli waris (seperti cucu) yang tidak mendapat pusaka disebabkan halangan-halangan tertentu adalah merupakan suatu kewajipan yang perlu dilaksanakan.

Ternyata Muzakarah Majlis Fatwa juga tidak menghadkan wasiat wajibah kepada had umur kanak-kanak sahaja tetapi hanya menyebut perkataan cucu secara umum.

²⁴ Glanville Williams dalam bukunya, Mempelajari Undang-Undang (terjemahan: Johan Shamsuddin Sabaruddin dan Talat Mahmood) hlm 126-132.

E. Sama ada Seksyen 27 EWOIS merujuk kepada cucu atau kanak-kanak, isu atau persoalan yang perlu Mahkamah yang mulia pertimbangkan adalah; sama ada peruntukan wasiat wajibah diluluskan bagi melindungi hak cucu yang kematian bapa/ibu mereka sebelum datuk mereka atau peruntukan wasiat wajibah diluluskan atas sebab keperluan atau hajat kanak-kanak yang perlukan pembelaan undang-undang?

Apabila kerajaan negeri Selangor telah meluluskan EWOIS, bermaksud kepentingan peruntukan tentang wasiat wajibah sudah diiktiraf. Dan apabila golongan yang berhak ke atas wasiat wajibah sudah diiktiraf, isu tentang sama ada golongan tersebut memang memerlukan pembelaan undang-undang atas alasan berhajat kepada harta pusaka adalah tidak relevan lagi.

Seseorang cucu yang melebihi had umur kanak-kanak tidak semestinya sudah kaya dan tidak berhajat kepada harta pusaka. Begitu jugalah, seseorang kanak-kanak tidak semestinya miskin dan berhajat kepada harta pusaka.

Terdapat cucu yang melebihi had umur kanak-kanak yang masih juga miskin dan berhajat kepada harta pusaka. Begitu jugalah, terdapat kanak-kanak yang sudahpun kaya dan tidak berhajat kepada harta pusaka.

Jadi, peruntukan tentang wasiat wajibah adalah peruntukan bagi menjaga hak cucu yang kematian bapa sebelum datuk mereka tanpa mengira sama ada cucu tersebut berhajat atau tidak kepada harta pusaka. Sekiranya mereka adalah golongan yang termasuk dalam kategori penerima wasiat wajibah, isu hajat atau keperluan adalah tidak relevan. Isu golongan yang berhak secara umum adalah lebih relevan.

Sesuatu peruntukan undang-undang yang baik hendaklah digubal secara umum bagi melindungi hak golongan yang berhak secara umum, bukan dikhususkan kepada isu keperluan atau hajat yang hanya timbul berdasarkan kes demi kes yang terpencil.

Adalah terbukti golongan yang berhak kepada wasiat wajibah adalah golongan cucu yang kematian bapa/ibu mereka sebelum datuk mereka tanpa pengkhususan tentang had umur cucu tersebut.

Perkataan kanak-kanak yang disebut dalam subseksyen (2) dan (3) Seksyen 27 EWOIS adalah kesilapan teknikal penterjemahan yang mana Mahkamah yang mulia boleh menafsirkan maksud sebenar penggubal undang-undang berdasarkan budi bicara mahkamah bersandarkan hukum syara'.²⁵

²⁵ Ahmad Termizi Abdullah, *Rancang Harta: Hibah, Wakaf, Wasiat*, Pustaka Mizi, Kuala Lumpur, 2020, hlm. 128-152.

PENUTUP

Sebagai kesimpulannya, waris patah titi walaupun pada asalnya tidak mendapat hak faraid dalam pembahagian harta pusaka tetapi mendapat pembelaan dari segi pengkanunan undang-undang.

Walau bagaimanapun, di negara kita hari ini, sejak buku ini ditulis, hanya enam (6) buah negeri sahaja yang menggubal dan meluluskan enakmen wasiat orang Islam. Enam negeri terbabit ialah Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan, Pahang , dan Sabah.

Walau pun keenam-enam negeri terbabit ada menggubal dan meluluskan enakmen wasiat orang Islam di negeri masing-masing, tetapi cara penderafan klausa berkaitan *wasiat wajibah* adalah berlainan.

Hasilnya, terdapat perbezaan dari segi isu sama ada *wasiat wajibah* terpakai hanya untuk cucu dari anak lelaki sahaja, atau juga termasuk cucu dari anak perempuan juga.

Beberapa negeri juga tidak menyatakan secara jelas tentang kaedah pembahagian sesama cucu, contohnya bagi kes terdapatnya cucu sesama taraf iaitu cucu lelaki dan cucu perempuan.

Oleh hal yang demikian, adalah lebih baik sekiranya pihak kerajaan mengambil langkah menyeragamkan penderafan tentang *wasiat*

wajibah ini supaya masyarakat lebih jelas tentang perkara ini.

Adalah juga dicadangkan supaya Unit Pembahagian Pusaka Kecil dapat mempraktikkan *wasiat wajibah* dalam amalan pembahagian pusaka kecil tanpa perlu mendapatkan perintah dari Mahkamah Syariah.

Bagi negeri-negeri yang tiada statut khusus mengenai *wasiat*, penguatkuasaan hak mengenai *wasiat wajibah* masih boleh dituntut apabila terdapat negeri yang mengeluarkan fatwa yang mengesah dan menyokong *wasiat wajibah*.

Misalnya keputusan fatwa yang telah dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Islam (MJFK), Negeri Sembilan, Johor, Perak, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Selangor, Terengganu dan Kelantan mengenai *wasiat wajibah*. Fatwa-fatwa ini penting kerana ia sentiasa dijadikan rujukan oleh mahkamah-mahkamah Syariah.²⁶

Penulis bersyukur tentang pindaan yang telah dilakukan oleh Negeri Selangor apabila menggantikan perkataan kanak-kanak pada seksyen 27(2) dan seksyen 27(3) dengan

²⁶ Muhammad Fathullah Al Haq Muhamad Asnii & Jasni Sulong, *Fatwa Berhubung Wasiat Wajibah Dan Keseragaman Peruntukannya Dalam Fatwa Negeri-Negeri Di Malaysia*, hlm. 7-8.

Waris Patah Titi

perkataan cucu. Perkataan cucu sememangnya adalah lebih tepat.

Kebetulan pula penulis sendiri bersama rakan bijaksana penulis, Dr. Zulqarnain Lukman ada membawa kes ke Mahkamah Tinggi Syariah di Shah Alam dalam menentukan isu ini.

Isu cucu atau kanak-kanak yang dimuatkan dalam buku ini adalah sebahagian daripada hujahan bertulis kami dalam kes tersebut.

Manakala keputusan kes tersebut ada dilampirkan di akhir buku ini bagi manfaat bersama.

Wallahu a'lam.

Waris Patah Titi

RUJUKAN:

1. Ahmad Termizi Abdullah. 2020. Rancang Harta: Hibah, Wakaf, Wasiat. Pustaka Mizi: Kuala Lumpur.
2. Md. Yazid Ahmad. 2010. Waris Patah Titi. Solusi #17, Telaga Biru Sdn. Bhd.: Kuala Lumpur.
3. Mohd Zamro Muda & Mohd Syukri Jusoh. 2004. Kajian Mengenai Peruntukan Undang-undang Wasiat Wajibah di Selangor. IsoIT; 64-71.
4. Muhammad Fathullah Al Haq Muhamad Asnii & Jasni Sulong. 2016. Fatwa Berhubung Wasiat Wajibah Dan Keseragaman Peruntukannya Dalam Fatwa Negeri-Negeri Di Malaysia. Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies. Vol. 5. No. 1.
5. Nurul Syafini Binti Abd Rahman, Noor Syahida bt Abdul Rahman, Nur Zulfah bt Md Abdul Salam, Norhayati Abd Ghani, dan Hasliza Talib, Pemakaian Konsep Wasiat Wajibah Di Malaysia.
6. Saharuddin bin Hj Selamat, Kedudukan Wasiat Wajibah Dalam Islam dan Perlaksanaannya dalam Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999. Jurnal Hukum. Jld XX Bhg I Sya'ban 1426/September 2005 hlm 31-33.

Waris Patah Titi

Waris Patah Titi

LAMPIRAN:

- 1. LAPORAN KES AKMAR BINTI AMIRUDDIN LWN. AMANAH RAYA BERHAD**
- 2. ENAKMEN WASIAT ORANG ISLAM NEGERI SELANGOR (PINDAAN 2016)**

Waris Patah Titi

Akmar binti Aminuddin *lwn.* Amanah Raya Berhad

LAPORAN KES:

Akmar binti Aminuddin
lwn.
Amanah Raya Berhad

[Dalam Mahkamah Tinggi Syariah Selangor di Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Saman No.: 10400-099-0350-2012 (Y.A Tuan Mohamed Fouzi bin Mokhtar, S.M.S., HMTS) 13 Rabiul Akhir 1433H bersamaan 05 November 2012]

Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam - Bidangkuasa Mahkamah Mendengar Tuntutan Wasiat Wajibah - Seksyen 61 - Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Undang-Undang Wasiat Orang Islam - Wasiat Wajibah - Perbezaan teks Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris - Perkataan kanak-kanak dalam teks Bahasa Melayu dan grandchildren dalam Bahasa Inggeris - Kaedah Mentafsirkan Statut - Seksyen 27 - Enakmen Wasiat Orang Islam Selangor 1999.

Undang-Undang Wasiat Orang Islam - Wasiat Wajibah - Perbezaan teks Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris - Perkataan kanak-kanak dalam teks Bahasa Melayu dan grandchildren dalam Bahasa Inggeris - Teks Sahih yang dipakai - Seksyen 27 - Enakmen Wasiat Orang Islam Selangor 1999

Undang-Undang Wasiat Orang Islam - Wasiat Wajibah - Perbezaan teks Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris - Perkataan kanak-kanak dalam teks Bahasa Melayu dan grandchildren dalam Bahasa Inggeris - Samada satu kesilapan gubalan - Seksyen 27 - Enakmen Wasiat Orang Islam Selangor 1999.

Fakta Kes

- [1] Plaintiff dalam kes ini cucu kepada si mati iaitu Allahyarham Meor Ahmad bin Meor Yusof @ Yusof yang telah meninggal dunia pada 13.12.2009. Bapa Plaintiff, (Allahyarham Aminuddin bin Meor Ahmad) iaitu anak lelaki kepada si mati telah meninggal dunia pada 2.1.1999 iaitu 10 tahun lebih awal sebelum kematian si mati. Plaintiff adalah merupakan cucu perempuan

dari pada anak lelaki Si Mati dan semasa kematian datuk Plaintiff, Plaintiff dan adik beradiknya masing-masing berumur seperti berikut:

1. Akmar binti Aminuddin berumur 43 tahun 2 bulan 1 hari;
2. Azmir bin Aminuddin berumur 40 tahun 9 bulan 15 hari;
3. Azlin binti Aminuddin berumur 31 tahun 10 bulan 19 hari; dan
4. Azrul bin Aminuddin berumur 30 tahun 4 bulan 1 hari.

[2] Selain Plaintiff, Allahyarham datuk Plaintiff ada meninggalkan ahli waris lain yang berhak terhadap harta pusaka tersebut yang terdiri daripada seorang isteri yang bernama Rubiah, Seorang Anak Lelaki (AL) yang bernama Aminurrashid bin Meor Ahmad dan seorang Anak Perempuan (AP) yang bernama Adilah binti Meor Ahmad. Plaintiff telah menuntut bahagiannya daripada harta peninggalan Si Mati melalui konsep Wasiat Wajibah di bawah Seksyen 27 Enakmen Wasiat Orang-Orang Islam (Selangor) 1999. Pada 14.05.2012, Mahkamah telah mengarahkan pihak-pihak untuk menfaillkan hujahan masing-masing berkaitan kekeliruan pemakaian istilah ‘cucu’ dan ‘kanak-kanak’ sepertimana yang terkandung dalam peruntukan Seksyen 27 Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999.

[3] Plaintiff memfailkan permohonan ini di Mahkamah pada 28.09.2010 dan Saman dan Pernyataan Tuntutan tersebut telah disampaikan secara ke diri kepada Responden pada 16.11.2010 juga jam lebih kurang 5.30 petang. Semasa prosiding Pengurusan Kes pada 13.09.2011, Mahkamah mendapati satu isu telah timbul di dalam kes ini iaitu samada Plaintiff mempunyai *locus standi* untuk membuat tuntutan ini memandangkan di dalam subseksyen 27 (2) dan subseksyen (3) Enakmen Wasiat Orang Islam Selangor 1999 menggunakan perkataan ‘kanak-kanak’ yang menunjukkan seolah-olah hanya kepada kanak-kanak sahaja. Mahkamah telah mengarahkan kedua-dua pihak untuk mengemukakan hujahan lisan bagi isu di atas kepada Mahkamah ini pada 17.11.2011.

Diputuskan

SETELAH MAHKAMAH meneliti Saman dan Pernyataan Tuntutan, DAN SETELAH mendengar Hujahan Lisan Plaintiff dan Defendant SERTA Hujahan Bertulis Pihak-Pihak MAKA Mahkamah berpuashati dan memerintahkan seperti berikut:

Akmar binti Aminuddin *wn.* Amanah Raya Berhad

1. Mahkamah memerintahkan Saman dan Pernyataan Tuntutan Plaintiff ditolak dan dibatalkan.

Peguam Syarie

1. Peguam Plaintiff : Dr. Zulqarnain bin Ahmad dari Tetuan Termizi & Co.
2. Peguam Defendan : Encik Ahmad Badri bin Idris dari Tetuan Ram Reza & Muhamad.

Perundangan Yang Dirujuk

1. Perlembagaan Persekutuan (Perkara 152).
2. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor Tahun 2003 (Seksyen 61).
3. Enakmen Wasiat Orang Negeri Selangor 1999 (Seksyen 2, Seksyen 27 dan Seksyen 28).
4. Akta Tafsiran 1948 dan 1967 (Seksyen 2 dan Seksyen 117).
5. Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 (Seksyen 6).
6. Akta Kanak-Kanak 2001 (Seksyen 2).

Dalil Yang Dirujuk

1. Surah al-Baqarah: Ayat 180.
2. Surah al-Nisa': Ayat 4.

Kitab Yang Dirujuk

1. Abd Rahman Al-Adawi Al-Wasiyyah Al-Wajibah, (1996) Al-Maktabah Al-Azhariah Lil Al-Turath.
2. Dato' Abdul Monir bin Yacob, Siyasah Syariyyah Dalam Pentadbiran dan Perundangan, IKIM, Kuala Lumpur.
3. Perbahasan Kaedah-Kaedah Fiqh, Ustaz Abdul Latif Muda, Ustazah Rosmawati Ali @ Mat Zin, Cetakan Pertama 2000, Pustaka Salam.
4. Imam Al-Ghazali, "al-Mustasfa", Juzuk 1, Cetakan Dar al-Kutub al-Ilmiah Beirut.
5. Bahasa Malaysia Dalam Bidang Undang-Undang - Pencapaian dan Cabaran, Wan Arfah Wan Hamzah, Makalah Undang-Undang Menghormati Ahmad Ibrahim, DBP, Kuala Lumpur (1988).
6. State Bills, Passed During The Year 1999, Johore to Terengganu.

Journal of Shariah Law Research (JSLR)

7. Saharuddin bin Hj. Selamat, Pegawai Sulh Mahkamah Rendah Syariah Daerah Klang, Kedudukan Wasiat Wajibah Dalam Islam Dan Perlaksanaannya Dalam Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999, Jurnal Hukum, [2005] JH XX (20) Bahagian I , halaman 34.
8. Al-Hafiz Ibn Kathir, Tafsir Ibni Katsir, Jilid 1.

Kes Yang Dirujuk

1. Chan Chin Min & Anor v Lim Yok Eng (Lawful Mother of Gan Swee Hock, Deceased) [1994] 3 CLJ 687.
2. Mustapha bin Ismail [2009] JH 28 1 69.

Penghakiman Y.A. Tuan Mohamed Fouzi bin Mokhtar, S.M.S, HMTS;

Isu Pertama: Sama ada Mahkamah Ini Mempunyai Bidang kuasa Terhadap Permohonan Ini.

- [1] Mahkamah tidak berhasrat untuk mengulas isu ini secara terperinci kerana ianya tidak dibantah oleh pihak-pihak di dalam kes ini. Secara ringkas, bidangkuasa Mahkamah ini terhadap tuntutan yang dibuat oleh Plaintiff adalah tertakluk kepada seksyen 61 (3) (b) (v) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.
- [2] Selain dari itu, peruntukan subseksyen 1 (2) Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999 yang memperuntukkan:-
 - (1)
 - (2) *Enakmen ini hendaklah terpakai bagi-*
 - (a) *Negeri Selangor; dan*
 - (b) *orang yang menganut agama Islam sahaja.*"
- [3] Oleh itu, berdasarkan peruntukan undang-undang dan autoriti yang dikemukakan, maka Mahkamah berpuashati dan bersetuju dengan hujjah Plaintiff bahawa Mahkamah ini berbidangkuasa untuk mendengar dan memutuskan tuntutan ini.

Konsep Wasiat Wajibah di sisi Hukum Syarak dan Undang-Undang

- [4] Mahkamah perlu menghalusi terlebih dahulu asal usul pengharusan Wasiat Wajibah ini menurut hukum syarak dan kedudukannya di sisi syarak itu sendiri sebelum Mahkamah ini mengulas lanjut dan memutuskan kes ini. Pengarang Kitab “*al-Mufashshi*” di halaman 133 mendefinisikan wasiat wajibah sebagai sebahagian daripada harta peninggalan yang diperuntukkan oleh undang-undang untuk anak-anak yang kematian ibu atau bapa sebelum datuk atau nenek atau mereka meninggal serentak dan anak-anak tersebut tidak mendapat bahagian daripada harta peninggalan datuk atau nenek mereka kerana didinding (*dihijab*) oleh bapa atau ibu saudara mereka. Justeru itu, diberi kepada mereka dengan kadar dan syarat-syarat tertentu sebagai wasiat dan bukannya sebagai pusaka. [rujuk Muhammad Bashir, *al-Jami' al-hadith fi 'ilm al-faraaid wa al-mawarith*, Dar al-Qutaybah, Damshiq, 1416H/1996, hlm. 291; al-Kurdiy, Ahmad al-Hajiyy, *al-Ahwal al-shakhsiyah*, Mansurat Jami'ah Damshiq, Damshiq, 1418H/1998].
- [5] Secara umumnya terdapat dua (2) pendapat ulama' tentang Wasiat Wajibah ini sebagaimana otoriti yang dikemukakan oleh Plaintiff berdasarkan kepada firman Allah SWT yang berbunyi:

كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدُكُمُ الْمَوْتُ إِنْ تَرَكَ خَيْرًا لِلْوَالِدَيْنِ
وَأَلَّا قَرِيبَيْنَ بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى الْمُنَقِّيْنَ

١٨٠

“Kamu diwajibkan, apabila seseorang dari kamu hampir mati, jika ia ada meninggalkan harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajipan atas orang-orang yang bertakwa.”

(Surah al-Baqarah, 2: 180)

- [6] Pendapat pertama menyatakan bahawa wasiat adalah tidak wajib. Pendapat ini dipegang oleh kesemua Imam yang empat dan golongan Syiah Zaidiyyah. Mereka berpendapat hukum wasiat kepada selain ahli waris adalah harus sahaja. Ayat berkaitan kewajipan berwasiat di atas telah dinasakhkan hukumnya setelah diturunkan ayat mengenai pembahagian pusaka kepada waris. Contoh ayat pusaka adalah sebagaimana firman Allah SWT di dalam Surah al-Nisa' (4) ayat 12:

وَلَكُمْ نِصْفُ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِن لَمْ يَكُنْ لَهُنَّ وَلَدٌ فَإِنْ
كَانَ لَهُنَّ وَلَدٌ فَلَكُمُ الْرُّبُعُ مِمَّا تَرَكْنَ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ
يُوصِينَ بِهَا أَوْ دَيْنٍ وَلَهُنَّ الْرُّبُعُ مِمَّا تَرَكْتُمْ إِن لَمْ يَكُنْ
لَكُمْ وَلَدٌ فَإِنْ كَانَ لَكُمْ وَلَدٌ فَلَهُنَّ الشُّمُنُ مِمَّا تَرَكْتُمْ مِنْ
بَعْدِ وَصِيَّةٍ تُوصُونَ بِهَا أَوْ دَيْنٍ وَإِنْ كَانَ رَجُلٌ يُورثُ
كَلَلَةً أَوْ اُمْرَأً وَلَهُ أَحَدٌ أَوْ أَخٌ فَلَكُلٌّ وَاحِدٌ مِنْهُمَا أُسْدُسٌ فَإِنْ
كَانُوا أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ فَهُمْ شَرِكَاءٌ فِي الْثُلُثِ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ
يُوصَى بِهَا أَوْ دَيْنٍ عَيْرٌ مُضَارَّ وَصِيَّةٌ مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلَيْهِ حَلِيمٌ
١٢

“Dan bagimu (suami-isteri) seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isterimu, jika mereka tidak mempunyai anak. Jika isteri-isterimu itu mempunyai anak, maka kamu mendapat seperempat dari harta yang ditinggalkannya sesudah dipenuhi wasiat yang mereka buat atau (dan) sesudah dibayar hutangnya para isteri memperoleh seperempat harta yang kamu tinggalkan jika kamu tidak mempunyai anak. Jika kamu mempunyai anak, maka para isteri memperoleh seperdelapan dari harta yang kamu tinggalkan sesudah dipenuhi wasiat yang kamu buat atau (dan) sesudah dibayar hutang-hutangmu. Jika seseorang mati, baik lelaki maupun perempuan yang tidak meninggalkan ayah dan tidak meninggalkan anak, tetapi mempunyai seorang saudara lelaki (seibu saja) atau seorang saudara perempuan (seibu saja), maka bagi masing-masing dari kedua jenis saudara itu seperenam harta. Tetapi jika saudara-saudara seibu itu lebih dari seorang, maka mereka bersekutu dalam yang sepertiga itu, sesudah dipenuhi wasiat yang dibuat olehnya atau sesudah dibayar hutangnya dengan tidak memberi mudharat (kepada ahli waris). (Allah menetapkan yang demikian itu sebagai) syari’at yang benar-benar dari Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Penyantun.”

(Surah al-Nisa’, 4: 12)

- [7] Pendapat kedua menyatakan bahawa wasiat adalah wajib dan pendapat ini dipegang oleh Imam Daud Al-Zahiri, Masruq, Tawus, Abas dan Qatadah. Mereka berpendapat wajib berwasiat kepada ibu bapa dan kaum kerabat yang tidak mendapat bahagian harta pusaka. Malah Ibn Hazm berpendapat bahawa kewajipan itu tidak akan gugur dengan kematian seseorang, dan

kerana itu beban itu berpindah kepada warisnya atau pentadbir hartanya untuk menyempurnakan tanggungjawab itu menurut kadar yang berpatutan tanpa menimbulkan kesusahan kepada waris-waris yang ditinggalkan. [rujuk Abd Rahman Al-Adawi (1996): *Al-Wasiyyah Al-Wajibah*, Al-Maktabah Al-Azhariah Lil Al-Turath, hlm 8].

- [8] Pendapat kedua ini sebenarnya telah menggabungkan pengertian di antara ayat wasiat dan ayat pewarisan bagi mewujudkan konsep wasiat wajibah yang selaras dengan kehendak syarak dan berkesan dilaksanakan kepada kaum keluarga terdekat yang terlindung daripada bahagian pusaka. Oleh yang demikian, Mahkamah berpandangan bahawa pada asalnya dari sudut perundungan Wasiat Wajibah adalah tidak wajib berasaskan kepada pandangan jumhur fuqaha'. Ini dapat dilihat sebelum peruntukan ini dimasukkan atau dengan kata lain enakmen ini diwujudkan tiada istilah wasiat wajibah timbul di kalangan orang Islam di Negara ini.
- [9] Pandangan ini bersesuaian dengan pandangan Dr. Mohd Zamro bin Muda di dalam kertas kerjanya bertajuk *Wasiat Wajibah: Pengenalan dan Kaedah Pelaksanaannya* yang dibentangkan di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor pada 16 Mei 2008, halaman 10 yang menyatakan:

"Pada pandangan penulis, pendapat jumhur fuqaha iaitu golongan pertama adalah yang paling rajih dan mempunyai hujah yang konkret di kalangan ketiga-tiga pendapat di atas setelah dilihat kepada beberapa faktor utama iaitu:

- i) Tidak terdapat hadis sahih dan jelas yang menekankan kewajipan berwasiat kepada golongan tertentu setelah turunnya ayat pusaka yang khusus menetapkan waris tertentu serta bahagian masing-masing, bahkan di sana terdapat beberapa hadis yang melarang seseorang itu berwasiat kepada waris. Selain itu, menurut ulamak usul sesuatu hukum itu hendaklah berdasarkan kepada nas yang jelas.*
- ii) Dalam perundangan Islam sejak zaman Rasulullah SAW, Khulafa' al-Rasyidin dan khalifah-khalifah Islam selepas itu, tidak terdapat peruntukan hukum yang khusus berhubung kewajipan berwasiat sebagaimana kewajipan berpuasa, sembahyang, haji dan sebagainya. Di samping itu, tidak terdapat riwayat yang sahih daripada para sahabat RA yang mengadakan wasiat di atas dasar satu kewajipan, bahkan sebahagian besar mereka berwasiat di atas dasar harus demi untuk menjaga ikatan kekeluargaan.*

iii) Jika dilihat dari sudut turutan pensyariatan, ayat wasiat didahulukan penurunannya bagi menghalang amalan serta adat yang telah dilakukan oleh masyarakat Jahiliyah dalam pembahagian pusaka. Kemudian disusuli dengan ayat pusaka yang mengkhususkan ayat wasiat tersebut berdasarkan konsep al-tadarruj (berperingkat-peringkat). Setelah berlalunya beberapa waktu, maka pada masa Hajjah al-Wada' (haji selamat tinggal) ayat wasiat tersebut dimansuhkan seluruhnya berdasarkan kepada sabda Rasulullah SAW yang melarang berwasiat kepada waris.

Walau bagaimanapun, sesuatu hukum yang harus pada asalnya akan menjadi wajib setelah diputuskan oleh pemerintah untuk menjaga maslahah umum. Oleh kerana itu, pada hari ini terdapat beberapa negara Islam telah membuat peruntukan dengan mengkanunkan undang-undang wasiat wajibah. Antara negara-negara yang berbuat demikian adalah Mesir dan Syria sepetimana terdapat di dalam Undang-undang Wasiat Mesir 1946, Perkara 76-79; dan Undang-undang Keluarga Islam Syria 1953, Perkara 257. Begitu juga di Pakistan dalam Undang-undang Keluarga Islam Pakistan 1961, Fasal 4 dan beberapa buah negara lagi yang memperuntukkan undang-undang mewajibkan wasiat kepada golongan tertentu yang terhalang daripada menerima pusaka.”

[10] Konsep Wasiat Wajibah ini telah diangkat menjadi undang-undang oleh pemerintah sebahagian negara Islam termasuk negeri ini berteraskan konsep *Siyasah Syariyyah* dengan *illah maslahah am* dan ianya bertepatan dengan hukum syarak. Mahkamah merujuk kepada otoriti yang dikemukakan oleh Defendan iaitu buku *Siyasah Syariyyah dalam Pentadbiran dan Perundangan*, karangan Dato' Abdul Monir bin Yacob, halaman 3 bagi menguatkan alasan Mahkamah :

*“Menurut Abdul Wahab Khalif, Siyasah Syariyyah ialah **mentadbir urusan am Negara Islam** dengan menjamin maslahah ditegakkan dan menolak kemudaratannya dengan tidak melampaui batas-batas syariah dan prinsip-prinsipnya yang am **walaupun tidak sekata dengan pendapat imam-imam mujtahidin.**”*

*“Menurut pengarang kitab al-bahr, siyasah adalah suatu tindakan dari **pemerintah**”*

[11] Ini adalah selari dengan kaedah fiqhiiyyah yang berikut

تصریف الإمام على الرعية منوط بالصلحة

“Tindakan pemerintah ke atas rakyat adalah tertakluk kepada maslahah”. [Perbahasan Kaedah-Kaedah Fiqh, Ustaz Abdul Latif Muda, Ustazah Rosmawati Ali @ Mat Zin, Cetakan Pertama 2000, Pustaka Salam, halaman 117]

[12] Terdapat juga perbahasan berhubung perlaksanaan wasiat wajibah di Malaysia ini sebagaimana dihujahkan oleh kedua-dua pihak iaitu satu fatwa berhubung isu wasiat wajibah ini yang telah dikeluarkan oleh Dato' Setia DiRaja Mufti Negeri Selangor pada 24 Disember 2010 melalui warta kerajaan Sel. P.U. 5 dan satu pandangan Mufti-Mufti Negeri-Negeri yang diputuskan di dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-83 yang bersidang pada 22 - 24 Oktober 2008 telah membincangkan mengenai Hukum Pelaksanaan Wasiat Wajibah yang mana pandangan muzakarah sebagaimana berikut:

“Perlaksanaan wasiat wajibah adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

(i) Anak lelaki dan perempuan daripada anak lelaki dan anak perempuan (cucu) ke bawah adalah layak untuk menerima wasiat wajibah.

(ii) *Hendaklah kedua ibu atau bapa mereka meninggal dunia terlebih dahulu daripada datuk atau nenek atau ibu atau bapa meninggal dunia serentak dengan datuk atau nenek dalam kejadian yang sama atau berlainan.*

(iii) *Cucu lelaki dan perempuan bukan merupakan waris kepada harta pusaka datuk. Sekiranya mereka merupakan waris ke atas harta pusaka secara fardu atau ta'sib maka mereka tidak layak untuk mendapat wasiat wajibah walaupun bahagiannya sedikit berbanding wasiat wajibah.*

(iv) *Sekiranya anak lelaki atau anak perempuan berlainan agama dengan ibu atau bapa atau terlibat dengan pembunuhan ibu atau bapa, maka dia tidak berhak mendapat wasiat wajibah daripada harta pusaka datuknya.*

(v) *Sekiranya datuk atau nenek telah memberikan harta kepada cucu melalui hibah, wakaf, wasiat dan sebagainya dengan kadar yang sepatutnya diterima oleh anak lelaki atau anak perempuan*

mereka sekiranya mereka masih hidup, cucu tidak lagi berhak untuk mendapat wasiat wajibah. Sekiranya pemberian tersebut adalah kurang daripada hak yang sepatutnya diterima oleh cucu daripada bahagian anak lelaki atau anak perempuan, maka hendaklah disempurnakan bahagian tersebut.

(vi) Anak akan mengambil bahagian faraid bapa atau ibu yang meninggal dunia terlebih dahulu daripada datuk atau nenek dan kadar tersebut hendaklah tidak melebihi kadar 1/3 daripada nilai harta pusaka. Sekiranya bahagian tersebut adalah 1/3 atau kurang daripada 1/3, maka pembahagian tersebut hendaklah dilaksanakan pada kadar tersebut. Sekiranya bahagian tersebut melebihi 1/3, maka hendaklah dikurangkan pada kadar 1/3 melainkan setelah mendapat persetujuan ahli-ahli warisnya yang lain.

(vii) Pembahagian wasiat wajibah boleh dilaksanakan setelah didahului urusan berkaitan mayat, wasiat ikhtiyariyyah dan hutang-piutang.

(viii) Pembahagian wasiat wajibah kepada cucu-cucu yang berhak adalah berdasarkan kepada prinsip faraid iaitu seorang anak lelaki menerima bahagian-bahagian orang perempuan.

[13] Jika dilihat secara teliti kedua-dua fatwa dan keputusan Muzakarah adalah hampir sama cuma dibezakan tarikh pengeluarannya sahaja. Namun kedua-kedua pandangan tersebut mempunyai sedikit perbezaan berhubung orang yang berhak menerima Wasiat Wajibah tersebut iaitu cucu dari Anak Lelaki (AL) dan Anak Perempuan (AP) yang mati dahulu daripada datuknya berbanding peruntukan Seksyen 27 Enakmen Wasiat Orang Islam Selangor 1999 yang memperuntukkan hanya cucu daripada Anak Lelaki (AL) sahaja yang mana peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

“27. (1) Jika seseorang mati tanpa membuat apa-apa wasiat kepada cucunya daripada anak lelakinya yang telah mati terlebih dahulu daripadanya atau mati serentak dengannya, maka cucunya itu hendaklah berhak terhadap satu pertiga wasiat dan, sekiranya cucu itu diberi dengan kadar yang kurang dari satu pertiga, haknya hendaklah disempurnakan mengikut kadar wasiat wajibah yang diperuntukkan di bawah seksyen ini.”

[14] Perbezaan ini juga telah diulas oleh Dr. Mohd Zamro Muda & Mohd Shukri Jusoh di halaman 14 dengan menyatakan:

Akmar binti Aminuddin *lwn.* Amanah Raya Berhad

Dalam enakmen di atas, dengan jelas menyatakan bahawa wasiat wajibah hanya dihadkan kepada peringkat cucu (sama ada lelaki atau perempuan) daripada anak lelaki sahaja (أولاد البنين) dan tidak berlaku dengan lebih luas lagi hingga kepada keturunan yang lebih rendah di sebelah bapa. Selain itu, dapat difahamkan daripada enakmen tersebut bahawa anak kepada anak perempuan (أولاد البنات) tidak berhak mendapat wasiat wajibah. Penafian terhadap golongan tersebut mungkin kerana cucu terbabit dianggap sebagai dhawi al-arham yang tidak berhak mendapat pusaka selagi si mati meninggalkan ashab al-furud dan para ‘asabah.

[15] Seterusnya Dr. Mohd Zamro Muda menjelaskan bahawa terdapat perbezaan mengikut negara terbabit berkaitan *ashabul wasiat* ini dari sudut perlaksanaan di halaman 15 sebagaimana berikut:

“Dalam soal penentuan *ashab wasiat wajibah* ini, beberapa negara-negara Islam yang memperuntukkan mengenai wasiat wajibah boleh dibahagikan kepada tiga kategori:¹

i) Mesir,² Libya,³ Kuwait⁴ dan Yaman menetapkan bahawa *ashab wasiat wajibah* ialah cucu yang kematian ibu atau bapa berhak mendapat wasiat wajibah. Namun demikian, cucu yang kematian ibu berhak mendapat wasiat wajibah pada peringkat pertama sahaja (*awlad al-butun*),⁵ sedangkan cucu yang kematian bapa berhak mendapat wasiat wajibah pada peringkat pertama dan seterusnya ke bawah (*awlad al-zuhur*).⁶

¹ Muhammad Ramiz Abd al-Fattah al-Azizi, *al-Mirath wa al-wasiyyah*, Dar al-Furqan li al-Nashr wa al-Tawzi^c, Jordan, 2003, hlm. 121; Muhammad al-Zuhayli, *al-Fara'id wa al-mawarith wa al-wasaya*, Dar al-Kalam al-Tayyib, Beirut, 2001, hlm. 595-596.

² Perkara 76, Undang-undang Wasiat Mesir 1946.

³ Perkara 494-497, Undang-Undang Keluarga Libya 1972.

⁴ Perkara 3 Undang-undang Khas Kuwait 1971 No. 5; Perkara 192, *The Kuwait Law on Obligatory Bequest* 1971 No. 1.

⁵ *Awlad al-Butun* ialah anak-anak kepada anak perempuan *salbiyyah* sehingga ke bawah.

⁶ *Awlad al-Zuhur* ialah anak-anak kepada anak lelaki sehingga ke bawah selagi mana tidak terdapat di dalam *salsilah* keturunan tersebut anak perempuan atau golongan perempuan.

ii) Syria⁷, Maghribi⁸ dan Jordan⁹ menetapkan bahawa ashab wasiat wajibah ialah cucu yang kematian bapa sahaja berhak mendapat wasiat wajibah. Sedangkan cucu yang kematian ibu tidak berhak mendapat wasiat wajibah kerana tergolong dalam golongan waris dhawi al-arham.

iii) Pakistan¹⁰ dan Tunisia¹¹ pula menetapkan bahawa ashab wasiat wajibah ialah cucu yang kematian ibu atau bapa pada peringkat pertama sahaja.”

- [16] Hukum Wasiat Wajibah adalah wajib hanya apabila diperintahkan melalui undang-undang, maka Mahkamah berpandangan apabila berlaku perbezaan di antara fatwa dan undang-undang sedia ada maka peruntukan undang-undang hendaklah kekal berkuatkuasa berbanding fatwa itu sendiri. Sekiranya ia adalah satu kesilapan maka peruntukan undang-undang ini hendaklah dipinda oleh pihak berkuasa utama Negeri iaitu Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Maka, tidak hairanlah jika di dalam suratnya, Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor menyatakan sebagaimana berikut:

“Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor juga menyatakan bahawa EWOIS dalam proses disemak untuk dibuat pindaan mengikut keperluan dan perubahan yang berlaku. Sebuah jawatankuasa juga telah dilantik oleh MAIS untuk menyemak dan membuat pindaan tersebut.”

- [17] Walaupun kandungan dan intipati fatwa dan keputusan Muzakarah tersebut berbeza dengan undang-undang sedia ada, namun pandangan dan hujjah yang digunakan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-83 yang bersidang pada 22-24 Oktober 2008 masih bersesuaian untuk digunakan sebagai asas kepada penguatkuasaan Wasiat Wajibah di Malaysia ini seperti berikut:

*“Muzakarah menegaskan bahawa **Islam amat menitikberatkan kebijakan dan kesempurnaan hidup umatnya**, terutama anak-anak yang kehilangan ahli keluarga mereka. Oleh itu, Muzakarah berpandangan bahawa dalam melaksanakan Wasiat Wajibah*

⁷ Perkara 257(1)(c), Syrian Law of Personal Status 1953.

⁸ Perkara 269, Moroccan Code of Personal Status 1957.

⁹ Perkara 182, The Law of Personal Status 1976.

¹⁰ Fasal 4, Undang-Undang Keluarga Islam Pakistan 1961.

¹¹ Perkara 191 & 192, Tunisian Law of Personal Code, No. 77/1959.

Akmar binti Aminuddin /wn. Amanah Raya Berhad

adalah harus mengambil pandangan yang menyatakan bahawa berwasiat kepada ahli-ahli waris (seperti cucu) yang tidak mendapat pusaka disebabkan halangan-halangan tertentu adalah merupakan suatu kewajipan yang perlu dilaksanakan.”

“Oleh yang demikian, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa dalam kes di mana seorang anak yang bapa atau ibunya mati terlebih dahulu daripada datuk atau neneknya, anak tersebut iaitu cucu berhak untuk menerima Wasiat Wajibah dengan mengambil bahagian faraid bapa atau ibunya pada kadar tidak melebihi 1/3 daripada harta pusaka datuk atau nenek. Sekiranya bahagian ibu atau bapa adalah 1/3 atau kurang daripada 1/3, maka pembahagian tersebut hendaklah dilaksanakan pada kadar tersebut. Sekiranya bahagian tersebut melebihi 1/3 maka hendaklah dikurangkan pada kadar tidak melebihi 1/3.”

[18] Di dalam otoriti yang dikemukakan oleh Plaintiff berkaitan keputusan Muzakarah ini tidak dinyatakan sebarang keterangan dan dalil syarak. Oleh yang demikian, Mahkamah membuat anggapan bahawa keputusan yang dicapai di dalam Muzakarah ini adalah berdasarkan **keterangan/hujah** berikut:

1. *Majoriti fuqaha’ berpendapat bahawa hukum wasiat adalah sunat dan umat Islam digalakkan untuk berwasiat kepada ahli-ahli keluarga yang tidak mendapat pembahagian pusaka dengan kadar tidak melebihi 1/3.*
2. *Ibn Hazm al-Zahiri berpendapat bahawa wajib berwasiat kepada kaum kerabat yang tidak mendapat bahagian harta pusaka. Menurut Ibn Hazm, penurunan ayat pusaka yang menerangkan hak faraid bagi waris-waris tidak menasakhkan kewajipan berwasiat bahkan penurunan ayat wasiat tersebut dikhatuskan bagi ahli-ahli waris yang tidak mendapat pusaka disebabkan oleh halangan-halangan tertentu. Dalam hal ini Ibn Hazm menegaskan bahawa kewajipan itu tidak akan gugur meskipun selepas kematian seorang muslim dan menjadi kewajipan kepada waris atau pentadbir harta untuk menyempurnakan tanggungjawab tersebut menurut kadar yang berpatutan tanpa menimbulkan kesusahan kepada waris-waris yang ditinggalkan.*
3. ***Wasiat Wajibah perlu dilihat dari segi maksud dan hikmah*** serta bagaimana pelaksanaannya kerana wasiat wajibah dilihat

dapat mengatasi isu kematian serentak yang berlaku terhadap datuk atau nenek bersama anak yang masih mempunyai anak-anak (cucu) yang masih hidup.

4. Dalam sistem pembahagian pusaka Islam, cucu tidak berhak untuk mewarisi harta pusaka datuk atau nenek disebabkan mereka terdinding oleh bapa saudara dan ibu saudara. Keadaan ini telah menimbulkan persoalan tentang kebijikan dan masa depan cucu-cucu ini terutama sekali sekiranya mereka masih kecil. Lebih memburukkan lagi keadaan sekiranya ibu bapa mereka meninggal dunia pada usia muda dan tidak meninggalkan harta untuk diwarisi oleh anak-anak bagi meneruskan kehidupan.

5. Dalam melaksanakan Wasiat Wajibah, harus mengambil pandangan Ibn Hazm az-Zahiri demi kepentingan keluarga terutamanya anak-anak yang menjadi yatim piatu.

6. Sebahagian negeri tidak mengkanunkan pelaksanaan Wasiat Wajibah kerana ia tidak mengikut pandangan Mazhab Syafie. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa meminta supaya negeri-negeri memfatwakan kerana asas pelaksanaannya adalah maslahah dan kebijikan insan. Dalam situasi hidup pada hari ini, maslahah ahli-ahli waris yang dalam keadaan memerlukan tetapi terhalang daripada mendapat bahagian pusaka, perlu ditentukan mengikut **Maqasid Syariyyah**.

7. Wasiat Wajibah boleh dianggap sebagai badal atau ganti kepada faraid. Oleh itu, pelaksanaannya juga perlu didahulukan urusan berkaitan mayat, wasiat ikhtiyariyyah dan hutang piutang. [Dirujuk daripada <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-pelaksanaan-wasiat-wajibah> yang diakses pada 08.10.2012]

- [19] Kesimpulannya, asas pelaksanaannya Wasiat Wajibah ini adalah bersandarkan kepada maslahah dan kebijikan insan. Dalam situasi hidup pada hari ini, maslahah ahli-ahli waris yang dalam keadaan memerlukan tetapi terhalang daripada mendapat bahagian pusaka, perlu ditentukan mengikut **Maqasid Syariyyah** iaitu memelihara keturunan dan memelihara agama itu sendiri. Imam Al-Ghazali berpendapat didalam kitabnya “*al-Mustasfa*” Juzuk 1 halaman 286 cetakan Dar al-Kutub al-Ilmiah Beirut:

- قال الإمام الغزالى : مقصود الشرع من الخلق خمسة
وهو أن يحفظ عليهم دينهم - ١
ويحفظ نفسم - ٢
ويحفظ عقلهم - ٣
ويحفظ نسلهم - ٤
ويحفظ مالهم - ٥

“Tujuan pensyariatan hukum syarak ialah untuk:

1. Memelihara agama.
2. Memelihara jiwa.
3. Memelihara akal.
4. Memelihara keturunan.
5. Memelihara harta benda.”

Isu Kedua: Kaedah Mentafsir Statut

[20] Subseksyen 27 (1) Enakmen Wasiat Orang-Orang Islam (Selangor) 1999 tersebut memperuntukan bahawa cucu daripada anak lelaki si mati yang telah terlebih dahulu meninggal dunia sebelum si mati mempunyai hak untuk wasiat wajibah adalah sebagaimana berikut:

“27. (1) Jika seseorang mati tanpa membuat apa-apa wasiat kepada **cucunya** daripada anak lelakinya yang telah mati terlebih dahulu daripadanya atau mati serentak dengannya, maka **cucunya** itu hendaklah berhak terhadap satu pertiga wasiat dan, sekiranya **cucu** itu diberi dengan kadar yang kurang dari satu pertiga, haknya hendaklah disempurnakan mengikut kadar wasiat wajibah yang diperuntukkan di bawah seksyen ini.”

[21] Subseksyen (2) dan subseksyen (3) Enakmen Wasiat tersebut telah merujuk orang yang berhak menerima wasiat wajibah tersebut sebagai “*kanak-kanak*” dan bukannya “*cucu*” sebagaimana subseksyen 1 seperti di bawah:

“(2) Kadar wasiat wajibah untuk **kanak-kanak** yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah setakat kadar di mana ayahnya berhak daripada harta pusaka datuknya sekiranya diandaikan ayahnya itu mati selepas kematian datuknya:

Dengan syarat wasiat itu tidak melebihi satu pertiga daripada harta pusaka si mati.

(3) **Kanak-kanak** tersebut hendaklah tidak berhak kepada wasiat sekiranya dia telah mewarisi daripada datuk atau neneknya, mengikut mana berkenaan, atau datuk atau neneknya semasa hayatnya, dan tanpa menerima apa-apa balasan, telah membuat wasiat kepada mereka atau telah memberi kepada mereka harta yang bersamaan dengan apa yang mereka sepatutnya menerima menurut wasiat wajibah:

Dengan syarat sekiranya wasiat yang dibuat oleh datuk atau nenek itu kurang daripada bahagian yang sepatutnya dia berhak, haknya hendaklah ditambah sewajarnya dan jika bahagian tersebut adalah melebihi bahagian yang dia berhak, bahagian yang lebih itu hendaklah menjadi wasiat sukarela dengan tertakluk kepada persetujuan waris.”

- [22] Mahkamah bersetuju dengan hujahan Plaintiff dan Defendant bahawa implikasi daripada perbezaan penggunaan istilah ini adalah besar kerana istilah ‘cucu’ boleh digunakan digunakan tanpa mengira had umur seseorang manakala istilah ‘kanak-kanak’ akan memberikan maksud hanya kepada kanak-kanak yang belum cukup umur sedangkan umur yang dianggap dewasa di Malaysia adalah umur 18 tahun. Ini adalah bersandarkan alasan berikut:

22.1. Seksyen 2 (2) Enakmen Wasiat tersebut telah memperuntukkan bahawa:

“(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini dan yang tidak ditakrifkan dalamnya tetapi ditakrifkan dalam Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [Akta 388] hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya masing-masing oleh Akta itu setakat yang ertinya sedemikian tidak bercanggah dengan Hukum Syarak...”

1.2 Merujuk kepada seksyen di atas, Seksyen 2 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 yang telah dirujuk di dalam kes *Mustapha bin Ismail dalam Perkara Pembahagian Harta Pusaka Si Mati Che Fatimah binti Abdul Razak JH 28 BHG. I 1430H muka surat 6969* yang menyatakan maksud kanak-kanak adalah seperti berikut:

“Seorang yang belum mencapai kedewasaan yang ditetapkan oleh undang-undang yang boleh dikenakan padanya...”

Akmar binti Aminuddin *lwn.* Amanah Raya Berhad

1.3 Mahkamah bersetuju bahawa maksud **“kanak-kanak”** secara *literal* yang dimaksudkan di dalam Seksyen 27 Enakmen Wasiat tersebut di atas adalah kanak-kanak yang di bawah umur lapan belas (18) tahun berdasarkan tafsiran Seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001 yang memperuntukkan seperti berikut:

“*kanak-kanak*”-

a) ertinya seseorang yang **di bawah umur lapan belas tahun**;

1.4 Perkara utama yang perlu diputuskan oleh Mahkamah ini berhubung perkara di atas adalah berkaitan kaedah yang boleh digunakan untuk mentafsir sesuatu statut. Jika perkara ini boleh diselesaikan maka Mahkamah berpendapat isu-isu yang dibangkitkan oleh Plaintiff atau Defendant boleh diputuskan. Antara lain, Plaintiff membangkitkan bahawa para hakim perlu menggunakan prinsip ‘Rukun Keemasan’ (*Golden Rule*) untuk mengelakkan keadaan tidak munasabah dengan merujuk kepada sebuah buku bertajuk “*Mempelajari Undang-Undang*” karangan Glanville Williams yang menjelaskan:

“Kaedah ini membenarkan mahkamah memilih makna yang munasabah daripada makna yang tidak masuk akal, apabila kedua-duanya boleh diterima dari segi linguistik. Walaupun makna yang tidak munasabah itu lebih nyata dan biasa, ini tidak akan diambil kira. Pemakaian rukun keemasan tidak bertentangan dengan rukun harafiah asalkan akibat tidak munasabah yang terjadi sekiranya statut dipakai sebegitu, diterima sebagai sesuatu kecaburan dalam statut itu.”

“Seterusnya, penulis mengambil pendapat Professor Cross, ‘Hakim boleh memberi makna kepada sesuatu perkataan yang beliau rasakan perlu tersirat oleh perkataan-perkataan yang telah ada dalam statut itu dan beliau mempunyai kuasa yang terhad untuk menambah, mengubah atau tidak mempedulikan perkataan-perkataan statutory untuk mengelakkan sesuatu peruntukan daripada menjadi tidak difahami, aneh atau tidak munasabah, tidak berfungsi atau tidak sealiran dengan kedudukan statut.’ [Glanville Williams dalam bukunya, *Mempelajari Undang-Undang* (terjemahan: Johan Shamsuddin Sabaruddin dan Talat Mahmood) hlm 126-132].

1.5 Defendant pula menegaskan bahawa interpretasi literal tidak boleh diketepikan dalam keadaan perkataan yang digunakan di dalam sesuatu

peruntukan adalah jelas dan nyata. Defendan merujuk kepada kes sivil yang telah diputuskan oleh panel hakim Mahkamah Agung (Supreme Court) di dalam kes *Chan Chin Min & Anor v. Lim Yok Eng (Lawful mother of Gan Swee Hock, Deceased) [1994] 3 CLJ 687* yang merujuk kepada kes *Stock v Frank Jones (Tipton) Ltd. [1978] 1 WLR 231*, menyatakan seperti berikut:

“Even if one regarded the policy implicit in (the Act concerned) as open to criticism, (if) the statutory language is clear beyond doubt, (it) must prevail”

Mahkamah Agung tersebut juga merujuk kepada kes *Magor and St. Mellons Rural District Council v. Newport Corporation [1952] AC 189*, yang menyatakan seperti berikut:

“The House of Lords held that in the construction of a statute the duty of the court is limited to interpreting the words used by the legislature and it has no power to fill in any gaps disclosed, and that to do so would be to usurp the function of the legislature...”

[23] Mahkamah berpandangan bahawa pendekatan yang terbaik adalah menggabungkan kedua-dua kaedah tersebut di atas di dalam mentafsirkan sesuatu statut. Namun sebelum itu, ingin Mahkamah jelaskan secara ringkas kaedah mentafsir statut sebagaimana pandangan Glanville Williams menyatakan pentafsiran statut boleh menggunakan dua (2) kaedah iaitu bagi kaedah pertama dikenali sebagai Kaedah Harafiah seperti berikut:

Pertama, menggunakan pendekatan Kaedah Harafiah yang mana kaedah ini menekankan bahawa walaupun diterima yang perkataan mempunyai keanjalan dalam maknanya tetapi kaedah umumnya masih menghendaki para hakim terikat dengan perkataan sesuatu statut apabila perkataan –perkataan ini dengan jelas perlu diikut dalam situasi yang dihadapkan ke mahkamah. Perkataan mesti digunakan tanpa melakukan apa-apa penambahan atau pengurangan. Lebih tepat lagi, kaedah umumnya ialah mahkamah tidak boleh memperluaskan statut kepada kes yang bukan dalam lingkungan istilahnya.

Mahkamah boleh menggunakan rukun elak mudharat sekiranya statut kabur, tetapi tidak boleh mengada-adakan kecaburan untuk menggunakan kaedah ini. Namun demikian, agak sukar untuk diselaraskan rukun harafiah dengan rukun “konteks”. Kita memahami makna perkataan-perkataan dari konteksnya dan dalam kehidupan sehari-hari konteks meliputi bukan sahaja

Akmar binti Aminuddin *lwn.* Amanah Raya Berhad

perkataan lain tetapi keseluruhan situasi kemanusiaan dan sosial yang terlibat dalam penggunaan perkataan-perkataan itu.

Pendekatan yang boleh digunakan dikenali sebagai Tafsiran untuk Mengelakkan Keadaan Tidak Munasabah. “Rukun Keemasan” sebagaimana dihujahkan oleh Plaintiff adalah tafsiran yang digambarkan oleh kes Factories Act, mahkamah kadangkala mentafsir statut secara yang boleh memberikan kesan yang munasabah walaupun ini bermakna yang mahkamah telah menyimpang daripada makna prima facie perkataan itu. Kaedah yang menyatakan bahawa suatu statut boleh ditafsirkan untuk mengelakkan ketidakmunasabahan digelar dengan mudah sebagai “rukun keemasan”. Ia mempunyai had dan nampaknya terpakai hanya dalam tiga (3) keadaan:

- 1. Dalam keadaan pertama, kaedah ini membenarkan mahkamah memilih makna yang munasabah daripada makna yang tidak masuk akal apabila kedua-duanya boleh diterima dari segi linguistik. Walaupun makna yang tidak munasabah itu lebih nyata dan biasa, ini tidak akan diambilkira.*
- 2. Hakim-hakim kadangkala membetulkan suatu statut yang telah dengan bodohnya menggunakan perkataan “dan” apabila sebenarnya ia inginkan perkataan “atau” atau sebaliknya. Walaubagaimanapun, hujah yang kuat perlu diberi sebelum mahkamah dapat campurtangan dalam suatu statut.*
- 3. Dalam mentafsir statut, berbagai-bagi anggapan boleh dipakai semuanya berbentuk menghadkan dan negatif. Anggapan inilah yang menjadi latar belakang prinsip undang-undang dan daripada inilah Akta dilihat dan berpandukan inilah diandaikan Parlimen gunakan untuk membuat perundangan tanpa menyatakannya dengan jelas. (“Mempelajari Undang-Undang” (terjemahan: Johan Shamsuddin Sabaruddin dan Talat Mahmood), ILBS Kuala Lumpur, hlm 115 -132.)*

[24] Seterusnya pengarang buku tersebut menjelaskan bahawa kaedah kedua yang boleh digunakan di dalam mentafsirkan statut juga dikenali sebagai *Kaedah Konteks* sebagaimana di bawah:

***Kedua, Kaedah Konteks** iaitu suatu kaedah tafsiran statut dipandu oleh akal fikiran biasa. Hakim mungkin mencari maksud sesuatu perkataan dalam kamus atau buku teknikal tetapi maksudnya mungkin dikawal oleh sesuatu konteks yang tertentu. Kaedah ini*

yang memerlukan kita berpegang kepada konteks sebagai suatu perkataan boleh diketahui dengan memerhatikan perkataan-perkataan yang bersama-sama. Seseorang itu perlu melihat bukan sahaja keseluruhan bahagian itu tetapi statut itu secara keseluruhannya dan juga perundangan yang terdahulu yang menyentuh hal itu. kerana kita mengandaikan apabila Parlimen meluluskan sesuatu Akta, ia mungkin telah menimbangkan perundangan yang dahulu dan mungkin ingin menggunakan perkataan yang sama.

Semasa membaca statut, tafsir seksyen hendaklah dicari kerana perkataan yang digunakan mempunyai makna khas dalam statut itu. Di samping bahagian tafsiran dalam statut itu, Interpretation Act 1978 berfungsi sebagai kamus yang boleh memberi makna kepada beberapa perkataan yang sangat penting yang digunakan di dalam perundangan. Akta ini menerangkan di antara lain, perkataan jamaknya merangkumi yang singular; dan sebaliknya, melainkan kalau ada tujuan lain. Melalui Akta ini juga, man (manusia lelaki) merangkumi woman (wanita).

*Di dalam menggunakan kaedah ini, tafsiran mengikut dasar “**Makna Sampingan**” boleh digunakan. Apabila mentafsir statut, mahkamah selalu menyatakan yang mereka ingin tahu “tujuan perundangan”. Dalam keadaan sebenar, sekiranya mahkamah mendapati sukar untuk mengetahui samada situasi tertentu termasuk dalam lingkungan perkataan dalam statut atau tidak, kemungkinan situasi ini tidak dijangka oleh Parlimen..... Disebabkan kesukaran ini maka ada pihak yang meragui bahawa mahkamah benar-benar ambil berat tentang niat Parlimen.*

Selain itu, pendekatan kepada Rukun Elak Mudharat juga boleh diaplikasikan di dalam mentafsir sesuatu statut. Ianya boleh diperolehi daripada gambaran yang baru diberi dan ianya bolehlah dilihat yang tugas mentafsir statut memberi peluang kepada hakim memberikan pendapat mereka tentang sosial. Jadi pandangan mereka sudah tentu tidak akan sentiasa mendapat penerimaan sangat. Tetapi hakim-hakim akan berada dalam keadaan selamat sekiranya mereka menggunakan rukun elak mudharat.

- [25] Di dalam perundangan Islam sendiri telah menjelaskan berkaitan kaedah untuk mentafsirkan sesuatu ucapan dan lafaz yang dibuat dan yang pastinya ia tidak jauh berbeza sebagaimana pandangan di atas. Asas yang pertama

adalah setiap lafaz atau ucapan hendaklah ditafsirkan kepada maknanya yang hakiki. Keadaan ini adalah selari dengan kaedah fiqh yang berbunyi:

الاصل في الكلام الحقيقة

“Hukum asal pada sesuatu ucapan itu dikira maknanya yang hakiki” [Perbahasan Kaedah-Kaedah Fiqh, Ustaz Abdul Latif Muda, Ustazah Rosmawati Ali @ Mat Zin, Cetakan Pertama 2000, Pustaka Salam, halaman 125]

- [26] Kalimah ***al-haqiqah*** menurut bahasa bermaksud hak terhadap sesuatu apabila ia tetap. Menurut pengertian isitilah pula ialah makna asli yang diberikan kepada sesuatu lafaz ucapan, samada ia menurut istilah percakapan. Adapun kalimah ***al-majaz*** pula ialah sebalik kepada pengertian hakikat. Oleh itu, kaedah tersebut membawa maksud dalam sesuatu kalimah atau ucapan itu seharusnya diertikan pengertiannya yang hakiki atau erti yang sebenarnya iaitu erti dan pengertian sebagaimana dikehendaki selaras dengan lafaz kaedah yang bermaksud hak sesuatu ucapan itu ialah dibawa kepada hakikat.
- [27] Di dalam kes ini, Mahkamah bersetuju bahawa Seksyen 27 Enakmen Wasiat Orang-Orang Islam (Selangor) 1999 tersebut telah memperuntukkan bahawa cucu daripada anak lelaki si mati yang telah terlebih dahulu meninggal dunia sebelum si mati mempunyai hak untuk wasiat wajibah. Namun dalam konteks penggubalan seksyen 27 tersebut, subseksyen (1) itu adalah peruntukan umum yang menerangkan tentang keharusan kepada pelaksanaan wasiat wajibah yang mana semua cucu boleh mendapat wasiat wajibah sekiranya ayah atau ibunya meninggal terlebih dahulu daripada datuknya. Manakala subseksyen (2) pula menerangkan tentang kadar yang wajar diterima oleh penerima wasiat wajibah tersebut iaitu cucu yang dimaksudkan oleh subseksyen (1) di atas hendaklah seorang kanak-kanak yang tidak melebihi 18 tahun sebagaimana tafsiran Akta Tafsiran tersebut. Ini bermakna subseksyen tersebut telah meletakkan syarat hanya kanak-kanak sahaja yang boleh menuntut wasiat wajibah itu. Subseksyen (3) pula menerangkan berkaitan syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh penerima tersebut iaitu kanak-kanak tersebut. Ini bermakna walaupun penerima adalah seorang kanak-kanak namun ia bukanlah secara mutlaknya semua kanak-kanak boleh mempunyai hak terhadap wasiat wajibah.
- [28] Pendekatan ini juga telah dijelaskan oleh Dr. Mohd Zamro Muda di dalam kertas kerjanya di halaman 16:

Pada pandangan penulis, jika diteliti kepada peruntukan Enakmen Wasiat Orang Islam Selangor 1999, Seksyen 27(1) menyatakan ashab wasiat wajibah ialah “cucu” daripada anak lelakinya, kemudian Seksyen 27(2) dan (3) menyatakan “kanak-kanak”. Sekiranya Seksyen 27(2) dan (3) mentaksiskan perkataan “cucu” pada Seksyen 27(1) maka mereka yang berhak mendapat wasiat wajibah ialah cucu daripada anak lelaki (yang telah mati) yang berusia 18 tahun ke bawah sahaja. Contohnya, seorang mati meninggalkan 3 orang anak lelaki, 2 orang anak perempuan, isteri dan 2 orang anak lelaki kepada anak lelaki (cucu lelaki). Seorang cucu tersebut berusia 25 tahun dan seorang lagi berusia 15 tahun semasa kematian datuk mereka, maka yang berhak mendapat wasiat wajibah hanyalah cucu yang berusia 15 tahun, sedangkan mereka berdua mempunyai bapa yang sama. Keadaan ini nampaknya janggal dengan kehendak wasiat wajibah kerana cucu-cucu berkenaan akan mengambil bahagian bapanya jika dia masih hidup dengan syarat tak melebihi 1/3. Oleh itu, peruntukan berkenaan perlu diteliti dan diperhalusi.

- [28] Ini bersesuaian dengan pandangan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor menyatakan seperti berikut-

“Kamar berpandangan bahawa peruntukan seksyen 27 (2) hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan seksyen 27 (1) Enakmen Wasiat Negeri Selangor 1999. Subseksyen 27 (2) menyebut “kanak-kanak yang disebut dalam subseksyen 1” adalah merujuk kepada cucu sebagaimana peruntukan seksyen 27 (1) Enakmen Wasiat Negeri Selangor 1999.

- [29] Sekiranya peruntukan subseksyen 27 (2) dan (3) tersebut sebagaimana di negeri Melaka dan Negeri Sembilan yang menggunakan perkataan “cucu” sekalipun, ianya tetap tertakluk kepada syarat-syarat dan kaedah tersebut. Apabila undang-undang menggunakan perkataan “kanak-kanak” dan bukannya “cucu” sudah pasti ada tujuan khas yang dimaksudkan dengan perkataan tersebut. Mahkamah berpandangan tujuan khas yang dimaksudkan oleh penggubal boleh difahami melalui hujah, dalil dan keterangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan sebagaimana Perenggan 12 dan Perenggan 13. Mahkamah dapat simpulkan di sini bahawa tujuan wasiat wajibah ini dikuatkuasakan sebagai undang-undang adalah bertujuan seperti berikut:

Akmar binti Aminuddin /wn. Amanah Raya Berhad

29.1 Wasiat Wajibah dilaksanakan bertujuan mengatasi isu kematian serentak yang berlaku terhadap datuk atau nenek bersama anak yang masih mempunyai anak-anak (cucu) yang masih hidup.

29.2 Wasiat Wajibah ini dilaksanakan dengan tujuan untuk menjaga kebijakan dan masa depan cucu yang kematian ibu dan ayah terutama sekali sekiranya mereka masih kecil dan sekiranya ibu bapa mereka meninggal dunia pada usia muda dan tidak meninggalkan harta untuk diwarisi oleh anak-anak bagi meneruskan kehidupan.

29.3 Wasiat Wajibah ini adalah bertujuan demi kepentingan keluarga terutamanya anak-anak yang menjadi yatim piatu. Ini bersesuaian dengan hikmah diharuskan penguatkuasaan Wasiat Wajibah ini melalui undang-undang yang berdasarkan asas-asas yang telah dinyatakan oleh Dr. Mohd Zamro Muda di halaman 15:

Islam diturunkan ialah untuk menjaga kepentingan manusia sejagat. Di antara kepentingan yang perlu diberi penekanan ialah menjaga keutuhan sesebuah keluarga agar mereka dapat menjalani kehidupan dengan baik dan sempurna. Keutuhan sesebuah keluarga adalah sangat penting bagi menjamin kemakmuran sesebuah masyarakat dan kestabilan negara. Dan antara perkara-perkara yang menggugat keutuhan tersebut sehingga menjurus ke arah keruntuhan dan kepincangan terhadap sesebuah keluarga adalah melibatkan harta. Ini kerana kebiasaan pertelingkahan dan pertengkar yang berlaku di antara anggota keluarga adalah berpuncak daripada perebutan harta terutamanya yang berkaitan dengan pembahagian harta peninggalan atau harta pusaka.

Justeru itu, Islam telah mengambil pendekatan yang sewajarnya dalam menangani masalah tersebut supaya hubungan sesebuah keluarga sentiasa terjamin serta tidak tergugat dengan elemen-elemen luar; antara pendekatan yang diambil oleh Islam iaitu dengan mensyariatkan hukum pembahagian harta pusaka atau dikenali sebagai hukum faraid di antara waris-waris si mati.

*Namun terdapat satu fenomena yang biasa berlaku dalam pembahagian harta pusaka yang dilihat tidak menjamin kepentingan seseorang iaitu apabila berlakunya kematian salah seorang anggota keluarga pada masa kedua ibu bapanya atau salah seorang daripada kedua mereka masih hidup. **Dan sesetengah keadaan berlaku di mana si mati itu telahpun***

mendirikan rumah tangga dan mempunyai anak-anak yang masih kecil dan tidak mempunyai pembantu-pembantu yang dapat menguruskan kepentingan harian mereka.

Setelah kematian bapa atau ibu, harta pusaka dikhususkan kepada anak-anak mereka semuanya tanpa diberi kepada cucu-cucu yang telah kematian bapa sebelum datuk atau nenek mereka kerana di dalam ilmu faraid, cucu-cucu akan terhalang dari mendapatkan harta pusaka jika si mati mempunyai anak. **Lantaran dari itu, cucu-cucu tersebut berada dalam keadaan dihimpit kemiskinan. Cucu-cucu tersebut diibaratkan sebagai “sudah jatuh ditimpa tangga”**, kerana di samping kematian bapa atau ibu, mereka juga terhalang dari mendapat harta pusaka datuk atau nenek berikutan kewujudan bapa atau ibu saudara mereka.

Selain cucu-cucu tersebut hidup dalam keadaan yatim, mereka juga terhimpit dengan kemiskinan, sedang bapa-bapa saudara mereka hidup dalam keadaan mewah dan senang-lenang hasil dari pembahagian harta pusaka peninggalan datuk atau nenek mereka, dan sekiranya bapa mereka masih hidup nescaya mereka juga akan dapat mengecapi kesenangan tersebut.

Rentetan itu berlakulah kepincangan dalam sesebuah keluarga berikutan sebahagian mereka hidup dalam keadaan senang-lenang manakala sebahagian yang lain hidup terhimpit dalam kemiskinan dan kesulitan disebabkan kematian bapa-bapa mereka lebih awal. [Rujuk Shalabi, Muhammad Hamdi ¢Abd al-Mun¢an, al-Ra’id fi ¢ilm al-faraid, Maktabah Ibn Sina, Kaherah, t.th., hlm. 60; Abu Zahrah, Ahkam al-tarikat wa al-mawarith, Dar al-Fikr al-¢Arabi, t.th., hlm. 279].

Justeru, untuk menangani masalah tersebut maka satu undang-undang telah diperuntukkan berdasarkan kepada nas-nas al-Quran dan hadis-hadis serta pendapat beberapa fuqaha’ seperti pendapat Ibn Hazm dan sebagainya iaitu, mewajibkan wasiat kepada golongan tersebut sebagai satu keadilan dan rahmah kepada anak-anak yang kematian bapa-bapa mereka lebih awal, di samping ia juga dapat merungkai segala kesulitan dan kesukaran yang dihadapi oleh mereka. [Lihat Mudhakarah al-Idahiyyah li Mashru¢ Qanun al-Wasiyyah al-Wajibah (justifikasi pembentukan undang-undang wasiat wajibah)].

Akmar binti Aminuddin lwn. Amanah Raya Berhad

Peruntukan yang digubal itu, di samping berpegang kepada nas-nas di atas, ia juga dilihat sebagai menjaga kemaslahatan umum berdasarkan kaedah syarak yang menjelaskan bahawa pihak berkuasa dibenarkan memerintah atau mewajibkan sesuatu perkara yang dilihat terdapat padanya kemaslahatan umum, justeru apabila sesuatu hukum dibuat maka menjadi kewajipan kepada rakyat mentaatinya. Bahkan sebahagian ulamak berpendapat sesuatu hukum yang diputuskan itu merupakan hukum syarak. [Rujuk Bisyuni 'Ali, Judah 'Abd al-Ghani & Nasr Farid Muhammad Wasil, Ahkam al-mirath wa al-wasiyyah fi al-shari'ah al-Islamiyyah, t.pt, t.pt, 1997, hlm. 216].

29.4 Oleh itu, Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan Defendant bahawa matlamat undang-undang wasiat wajibah adalah bagi membela nasib dan menjaga kemaslahatan anak-anak yatim yang jika tidak diberikan bahagiannya melalui wasiat wajibah, anak-anak yatim tersebut akan terzalimi. Kesimpulan ini boleh diperolehi dengan merujuk kepada artikel yang ditulis oleh *Saharuddin bin Hj. Selamat, Pegawai Suhu Mahkamah Rendah Syariah Daerah Klang, (2008)JH 21 1 34* sebagaimana berikut;

“Matlamat wasiat wajibah ini iaitu untuk melindungi kepentingan anak-anak yatim dalam batas tertentu yang dibenarkan oleh hukum yang ada...”

29.5 Matlamat yang sama juga telah di nyatakan di dalam *Fatwa Keempat Belas, Hukum Pelaksanaan Wasiat Wajibah*, di dalam himpunan Keputusan Muzakarah jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, berhubung dengan isu-isu muamalat, halaman 56:

“Kesimpulannya, bagi memastikan aspek kesejahteraan, kerukunan dan kepentingan masyarakat awam khususnya hubungan kekeluargaan terjamin dan terpelihara, sesuatu hukum yang pada asalnya adalah sunat boleh menjadi wajib. Atas kapasiti inilah maka pihak pemerintah di beberapa Negara Islam telah menggubal peruntukan undang-undang wasiat wajibah untuk memelihara kebijakan anak-anak yatim di peringkat cucu selepas kematian ibu bapa mereka.”

29.6 Dalam konteks ini, anak-anak yatim yang dimaksudkan oleh pandangan di atas adalah anak-anak yang belum sampai umur baligh berdasarkan kepada hadith Nabi (*Tafsir Ibn Katsir (Jilid 1, halaman 111), Tafsir ayat ke-6 dari surat An Nisa'*) yang mengatakan:

لَا يُتَمَّ بَعْدَ احْتِلَامٍ

“Tidak ada keyatiman setelah baligh”

29.7 Mahkamah bersetuju bahawa Plantif dan adik beradiknya tidak memerlukan wasiat wajibah untuk menjaga maslahah mereka atas sebab mereka masing-masing sudah berkemampuan untuk menanggung dan menjaga maslahah diri sendiri. Mahkamah sekali lagi merujuk kepada artikel yang ditulis oleh Tuan Saharuddin bin Hj. Selamat halaman 34:

“Matlamat wasiat wajibah ini iaitu untuk **melindungi kepentingan anak-anak yatim dalam batas tertentu yang dibenarkan oleh hukum yang ada.**”

Kami juga sekali lagi merujuk kepada Keputusan Muzakarah jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, berhubung dengan isu-isu muamalat, halaman 56:

“Pihak pemerintah di beberapa Negara Islam telah menggubal peruntukan undang-undang wasiat wajibah untuk memelihara kebaikan anak-anak yatim di peringkat cucu selepas kematian ibu bapa mereka.”

[30] Pada peringkat ini, pendekatan Kaedah Harafiah atau literal hendaklah terpakai bagi setiap perkataan-perkataan yang terkandung di dalam peruntukan Seksyen 27 tersebut berdasarkan kepada keterangan, hujah dan dalil yang dikeluarkaan oleh Muzakarah tersebut adalah selari dengan perkataan “kanak-kanak” yang digunakan di dalam seksyen 27 tersebut dan memenuhi tujuan khas tersebut. Adalah jelas pada peringkat ini bahawa secara literalnya, hanya kanak-kanak yang belum mencapai umur 18 tahun sahaja yang berhak terhadap Wasiat Wajibah tersebut.

[31] Makna Sampingan hanya boleh digunakan di dalam mentafsirkan sesuatu statut sebagaimana pernyataan penulis di atas jika pengertian sesuatu lafaz tersebut tidak boleh diperolehi kepada makna yang hakiki maka ia hendaklah dilihat dari sudut majazinya atau pengertian di sebaliknya atau dalam konteks pandangan di atas, hendaklah merujuk kepada makna sampingan yang boleh ditafsirkan sebagaimana kehendak kaedah-kaedah fiqh berikut:

إذا تعذر الحقيقة يصار المجاز

Akmar binti Aminuddin *lwn.* Amanah Raya Berhad

“Apabila sesuatu lafaz sukar diertikan secara hakiki dipindahkan kepada pengertian majazi...”

Dalam satu kaedah fiqh yang lain disebutkan juga sebagaimana berikut:

الاصل في الكلام الحقيقة و اذا تعذرت الحقيقة يصار المجاز

“Asal pada ucapan ialah hakikat dan apabila terdapat keuzuran pada hakikat itu, berpindah kepada pengertian majaz...”

[32] Mahkamah mengambil maklum bahawa, tidak seperti Selangor, peruntukan subseksyen 27 (2) dan (3) di negeri Melaka dan Negeri Sembilan menggunakan perkataan “*cucu*” sebagaimana Seksyen 27 (2) Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 menyatakan:

*“(2) Kadar wasiat wajibah **cucu** hendaklah setakat kadar bahagian ayahnya dalam harta pusaka datuknya yang mati, dengan andaian bahawa ayahnya itu mati selepas kematian datuknya: Dengan syarat bahawa wasiat itu tidak melebihi satu pertiga daripada harta pusaka si mati.”*

Manakala Seksyen 27(2) Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005 juga menyatakan:

*“(2) Kadar wasiat wajibah **cucu** hendaklah setakat kadar bahagian ayahnya dalam harta pusaka datuknya yang mati, dengan andaian bahawa ayahnya itu mati selepas kematian datuknya: Dengan syarat bahawa wasiat itu tidak melebihi satu pertiga daripada harta pusaka si mati.”*

[33] Harus difahami di dalam konteks Negara Malaysia ini, setiap negeri di Malaysia mempunyai kuasa legislatif tersendiri di dalam menggubal undang-undang yang berkaitan Syariah dan Islam sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri. Walaupun boleh dipercayai bahawa sumber asal kewujudan peruntukan seksyen 27 tersebut adalah dari sumber yang sama namun perbezaan boleh berlaku kerana pandangan setiap Pihak Berkuasa di negeri-negeri tersebut mungkin berbeza-beza dari sudut pendekatan dan perlaksanaan. Bahkan jika pihak Berkuasa Negeri telah menyedari dan menjangkakan masalah ini akan timbul di Mahkamah yang mana pihak berkuasa negeri merasakan ianya akan mengubah peruntukan Seksyen 27 tersebut sebagaimana penyataan YB Penasihat Undang-

Undang Negeri Selangor maka Mahkamah hanya boleh menjalani tugasnya sahaja sebagaimana pandangan Glanville Williams yang menyatakan:

Lord Diplock seterusnya menyatakan yang prinsip ini terpakai walaupun ada alasan untuk menganggap yang jika Parlimen menjangkakan situasi di mahkamah itu, ia akan mengubahsuai perkataan-perkataannya. “Jika inilah kesnya maka Parlimenlah yang sepatutnya membuat perubahan kepada undang-undang itu seperti dinyatakan dalam Akta dan bukan Hakim.” Jadi Mahkamah tak sepatutnya menggunakan rukun elak mudharat apabila statut adalah “jelas dan tidak kabur”.

- [34] Mahkamah amat menghormati pandangan yang diutarakan oleh Yang Arif Tuan Abu Bakar bin Hj. Mohd Daud di dalam *kes Mustapha bin Ismail [2009] JH 28 1 69*, yang menyatakan sebagaimana berikut:

“Mahkamah berpendapat pengertian ‘cucu’ dari segi bahasa adalah lebih menepati kehendak keadilan. Perkara ini juga didasarkan kepada penggunaan peruntukan Seksyen 27 (2) undang-undang yang sama di dalam versi Bahasa Inggeris...”

“Perkataan ‘cucu’ di sini membawa pengertian yang lebih luas, tanpa mengikat tahap umur penerima wasiat wajibah berbanding perkataan ‘kanak-kanak’ sesuai dengan kehendak hukum syarak. Justeru, adalah dicadangkan kepada pihak berkuasa undang-undang yang bertanggungjawab untuk meneliti, menyemak perbezaan perkataan yang wujud dalam EWOIS dari sudut penggunaan perkataan Melayu Inggeris dan membuat apa-apa pindaan yang sesuai.”

Y.A. Hakim di atas di dalam mentafsirkan perkataan kanak-kanak telah mengambil kira peruntukan yang terkandung di dalam Enakmen wasiat negeri lain. Ini kerana selepas negeri ini, kelulusan berkaitan undang-undang wasiat wajibah ini turut dilaksanakan di Melaka dan Negeri Sembilan.

- [35] Namun Mahkamah ini dengan hormatnya tidak bersetuju dan berbeza pendapat dengan pendekatan Yang Arif Hakim Bicara di dalam kes tersebut kerana Mahkamah ini berpandangan adalah tidak wajar untuk mahkamah ini meluaskan tafsiran bagi perkataan yang tidak kabur dan telah jelas maksudnya sebagaimana pandangan Glanville Williams yang menyatakan:

*“Walaupun diterima yang perkataan mempunyai keanjalan dalam maknanya tetapi kaedah umumnya masih menghendaki para hakim terikat dengan perkataan sesuatu statut apabila perkataan - perkataan ini dengan jelas perlu diikut dalam situasi yang dihadapkan ke mahkamah. Perkataan mesti digunakan tanpa melakukan apa-apa penambahan atau pengurangan. Lebih tepat lagi, kaedah umumnya ialah mahkamah tidak boleh memperluaskan statut kepada kes yang bukan dalam lingkungan istilahnya. Namun ia mungkin berada dalam ruang tujuan statut itu (*casus omissus*). Mahkamah juga tidak boleh menghadkan statut itu dengan mengecualikan sesuatu kes yang secara nyata termasuk di bawahnya walaupun mahkamah beranggapan sebaliknya. (Tidak terdapat nama khusus yang diterima untuk menamakan keadaan ini, tetapi ia mungkin boleh digelar *casus male inclusus*). ” (Mempelajari Undang - Undang (terjemahan: Johan Shamsuddin Sabaruddin dan Talat Mahmood), ILBS Kuala Lumpur, hlm 115 -132.)*

[36] Mahkamah berpandangan bahawa rujukan kepada enakmen negeri lain adalah lebih selamat dibuat oleh Mahkamah jika tiada sebarang peruntukan berkaitan wasiat wajibah tersebut di negeri ini. Oleh itu, adalah tidak selamat menggunakan peruntukan negeri lain di dalam keadaan peruntukkan tersebut telah diperuntukkan di negeri ini telah wujud dan ternyata di dalam peruntukan tersebut terdapat perbezaan dari sudut perkataan *“kanak-kanak”* tersebut. Apatah lagi, telah jelas bahawa peruntukan berkaitan *“kanak-kanak”* tersebut adalah selari dengan tujuan khas penguatkuasaan wasiat wajibah itu sendiri. Sekiranya Mahkamah berbuat demikian, Mahkamah dilihat telah cuba untuk meluaskan tafsiran kanak-kanak tersebut sedangkan peranan itu bukanlah tanggungjawab Mahkamah sebagaimana dijelaskan di atas.

[37] Namun Mahkamah ini bersetuju sebagaimana saranan Yang Arif Hakim tersebut yang meminta peruntukan tersebut dipinda dan kenyataan YB Penasihat Undang-Undang Negeri menyatakan bahawa akan berlaku pindaan terhadap Enakmen Wasiat Orang Islam Selangor 1999 tersebut. Sekiranya sebarang pindaan hendak dilakukan terhadap peruntukan tersebut maka pindaan tersebut hendaklah dipastikan bersesuaian dan selari dengan kehendak *‘illah* asal pengharusan Wasiat Wajibah itu sendiri dan pindaan tersebut hendaklah dengan menjelaskan perlaksanaan Wasiat Wajibah tersebut dengan lebih jelas agar tidak menimbulkan sebarang permasalahan di kemudian hari terutamanya berkaitan kaedah pengiraan

dan prosedur permohonan Wasiat Wajibah tersebut boleh dipohon kerana keharusannya tidak mengharuskan semua cucu berhak ke atas harta tersebut secara Wasiat Wajibah.

[38] Mahkamah bersetuju dengan Plaintiff yang menyatakan niat asal penggubal undang-undang ini dapat dirujuk dalam Rang Undang-Undang Wasiat Orang Islam Selangor 1999 itu sendiri yang menyatakan bahawa:

“Fasal 27 memperkatakan tentang hak dan bahagian cucu lelaki atau perempuan yang telah kematian bapa atau ibu sebelum terbuka warisan daripada orang tua masing-masing, sedangkan kemungkinan orang tua tersebut (iaitu datuk atau nenek kepada cucu berkenaan) ada meninggalkan harta kepada anak-anak mereka yang lain yang merupakan bapa saudara atau ibu saudara yang menyebabkan cucu yang kematian bapa atau ibu itu terhalang daripada mendapat bahagian harta peninggalan datuk atau neneknya. Bagi mengatasi masalah ini, bahagian cucu-cucu tersebut diberikan secara tetap sebanyak satu pertiga daripada peninggalan wasiat.” [State Bills, Passed During The Year 1999, Johore to Terengganu.]

[39] Namun jika dilihat berdasarkan Kaedah Konteks, peruntukan Seksyen 27 yang telah dikuatkuasakan hendaklah dibaca secara bersama-sama dan menyeluruh supaya niat penggubal di dalam menguatkuasakan sesuatu undang-undang itu dapat di fahami dengan jelas. Mahkamah berpandangan bahawa adalah menjadi hasrat penggubal bahawa pelaksanaan Wasiat Wajibah itu tidak diberikan kepada semua orang yang bergelar “cucu”. Niat penggubal dapat dilihat dengan lebih jelas dengan bersandarkan kepada keterangan, hujah dan dalil yang dikemukakan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang telah menyatakan seperti berikut:

39.1 Wasiat Wajibah perlu dilihat dari segi maksud dan hikmah serta bagaimana pelaksanaannya kerana wasiat wajibah dilihat dapat mengatasi isu kematian serentak yang berlaku terhadap datuk atau nenek bersama anak yang masih mempunyai anak-anak (cucu) yang masih hidup.

39.2 Dalam sistem pembahagian pusaka Islam, cucu tidak berhak untuk mewarisi harta pusaka datuk atau nenek disebabkan mereka terdinding oleh bapa saudara dan ibu saudara. Keadaan ini telah menimbulkan persoalan tentang kebijakan dan masa depan cucu-cucu ini terutama sekali sekiranya mereka masih kecil. Lebih memburukkan lagi keadaan sekiranya ibu bapa

Akmar binti Aminuddin *lwn.* Amanah Raya Berhad

mereka meninggal dunia pada usia muda dan tidak meninggalkan harta untuk diwarisi oleh anak-anak bagi meneruskan kehidupan.

39.3 Dalam melaksanakan Wasiat Wajibah, harus mengambil pandangan Ibn Hazm az-Zahiri demi kepentingan keluarga terutamanya anak-anak yang menjadi yatim piatu.

39.4 Sebahagian negeri tidak mengkanunkan pelaksanaan Wasiat Wajibah kerana ia tidak mengikut pandangan Mazhab Syafie. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa meminta supaya negeri-negeri memfatwakan kerana asas pelaksanaannya adalah maslahah dan kebajikan insan. Dalam situasi hidup pada hari ini, maslahah ahli-ahli waris yang dalam keadaan memerlukan tetapi terhalang daripada mendapat bahagian pusaka, perlu ditentukan mengikut Maqasid Syariyyah.

[40] Pelaksanaan wasiat Wajibah di negeri ini bukanlah bersifat mutlak yang mana berdasarkan kepada hukum asal sebagaimana dinyatakan di dalam al-Quran. Pada asalnya pelaksanaan Wasiat Wajibah ini adalah tidak wajib dan hanya dikuatkuaskan berdasarkan kepada Siyasah Syariyyah iaitu tanggungjawab pemerintah menjaga maslahah rakyatnya dan di dalam konteks kes ini kepada “cucu” yang kematian ayah atau ibunya sahaja. Mahkamah berkewajipan untuk memastikan bahawa setiap pihak yang membuat tuntutan Wasiat Wajibah ini memenuhi kelayakan dan syarat-syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang dan syarat asal sebagaimana diharuskan wasiat wajibah tersebut.

[41] Pandangan ini telah dinyatakan oleh Dr. Mohd Zamro Muda di halaman 16:

“Walau bagaimanapun, segala pertikaian berhubung dengan syarat-syarat untuk melayakkan seseorang itu diklasifikasikan sebagai ashab wasiat wajibah hendaklah dibawa ke Mahkamah bagi menentukan kedudukan cucu-cucu tersebut seterusnya memutuskan adakah mereka berhak mendapat wasiat wajibah atau sebaliknya. Selain itu, adalah perlu bagi ahli perundangan menjelaskan permasalahan di atas bagi merungkai segala kekusutan dan menangani pertikaian yang dikhuatiri akan berlaku.” [rujuk Shalabi, Muhammad Mustafa. 1976. Ahkam al-mawarith bayn al-fiqh wa al-qanun. al-Iskandariyyah: al-Maktabah al-Misr al-Hadithath, halaman 384].

- [42] Berkaitan hujahan Plaintiff bahawa Mahkamah perlu mengambil kira pendekatan tafsiran secara rukun keemasan pula, Mahkamah dapat bahawa sekiranya Mahkamah menggunakan prinsip tersebut dengan tujuan untuk mengelakkan kemunasabahan sekalipun ianya hendaklah bersandarkan kepada alasan atau illah dan dalil yang benar sebagaimana kehendak hukum syarak. Jika tidak ianya akan menyebabkan kemudharatan kepada pihak yang lain ahli waris fardhu yang berhak terhadap pusaka tersebut. Di dalam keadaan ini, adalah tidak munasabah bahawa Plaintiff perlu dimasukkan ke dalam tafsiran “*kanak-kanak*” atau tafsiran tersebut diperluaskan kepada lafaz umum “*cucu*” semata-mata kerana Plaintiff dan secara tidak langsung akan memudharatkan waris-waris lain yang berhak terhadap harta pusaka datuk Plaintiff sedangkan Plaintiff bukanlah orang berhak ke atasnya. Apatah lagi Plaintiff bukan orang yang dibenarkan membuat tuntutan ini dan benar-benar berhajat kepada Wasiat Wajibah ini.
- [43] Mahkamah bersetuju bahawa seseorang cucu yang melebihi had umur kanak-kanak tidak semestinya sudah kaya dan tidak berhajat kepada harta pusaka dan begitu juga dengan anggapan bahawa seseorang kanak-kanak tidak semestinya miskin dan berhajat kepada harta pusaka. Mahkamah juga bersetuju bahawa terdapat juga kanak-kanak yang sudahpun kaya dan tidak berhajat kepada harta pusaka kerana telah ditinggalkan harta yang banyak oleh bapanya. Namun walaupun seseorang cucu yang melepassi had umur kanak-kanak itu miskin tetapi mereka ini boleh bekerja dan mencari rezeki dan kekayaan sendiri dengan usaha sendiri tanpa perlu bergantung kepada orang lain kecuali sekiranya terbukti cucu tersebut seorang yang tidak berkeupayaan disebabkan kecacatan atau alasan yang sah dari hukum syarak.
- [44] Manakala bagi cucu yang bergelar kanak-kanak tetapi mempunyai kekayaan walaupun tidak mampu bekerja, kanak-kanak tersebut juga tidak termasuk di dalam tafsiran subseksyen (2) dan subseksyen (3) kerana tidak memenuhi ‘**illah**’ wasiat wajibah tersebut. Mahkamah berpendapat bahawa peruntukan tentang wasiat wajibah adalah peruntukan bagi menjaga hak cucu yang kematian bapa sebelum datuk mereka yang berhajat dan memerlukan kepada harta pusaka untuk meneruskan kehidupan di dalam keadaan dirinya sendiri tidak mampu mencari rezeki dengan usahanya sendiri disebabkan keadaannya yang masih kanak-kanak.
- [45] Mahkamah juga berpandangan di dalam menentukan samada seseorang itu berhak kepada wasiat wajibah tidak kira samada dengan menggunakan perkataan “*cucu*” ataupun “*kanak-kanak*” adalah merujuk kepada

kelayakan penerima tersebut samada memerlukan atau sebaliknya. Sesuatu peruntukan undang-undang yang baik hendaklah digubal secara umum bagi melindungi hak golongan yang berhak secara umum walaubagaimanapun dalam konteks hukum syarak hanya orang yang benar-benar berhak sahaja yang boleh mendapat hak tersebut berdasarkan kehendak sesuatu hukum tersebut dan ianya tidak dipanggil kes-kes terpencil bahkan hak-hak bagi golongan tertentu sahaja.

[46] Mahkamah bersetuju bahawa kaedah untuk mengistihbat sesuatu hukum iadalah berdasarkan ‘*illah*’ dan ‘*illah*’ sesuatu hukum itu mesti konsisten dan tidak berubah-ubah umpamanya contoh yang diberikan oleh Plaintiff berkaitan keharusan menqasarkan solat adalah sebab musafir dalam jarak tertentu dan bukan kerana letih. Namun contoh yang digunakan oleh Plaintiff tersebut tidak boleh disamakan dengan isu penguatkuasaan Wasiat Wajibah kerana keharusan jamak qasar adalah mutlak dan adalah hukum asal yang turun melalui al-Quran sedangkan Wasiat Wajibah adalah hukum yang mendatang yang dikuatkuasakan melalui undang-undang berteraskan *Siyasah Syariyyah* atas ‘*illah maslahah* kepada golongan tertentu berbanding hukum asalnya adalah harus sahaja.

[47] Di dalam keadaan ini, pengambilan pengertian makna sampingan atau rukun keemasan ini hendaklah bersandarkan kepada dalil dan niat pengucapnya dan dalam konteks kes ini adalah tertakluk kepada niat penggubal. Ini bersesuaian dengan kaedah-kaedah fiqh berikut:

الاصل في الالفاظ الحقيقة عند الاطلاق وقد يسرف (sic) الا المجاز بالنية

“Asal pada lafaz ialah hakikat ketika dalam bentuk mutlak dan kadangkala ia bertukar kepada pengertian majaz dengan sebab niat...”

الاصل في الالفاظ الحقيقة عند الاطلاق فلا تحمل على (sic) المجاز الا بدليل

“Asal pada ucapan ialah hakikat ketika keadaan mutlak dan ia tidak boleh dibawa kepada pengertian majaz melainkan dengan dalil.” [Perbahasan Kaedah-Kaedah Fiqh, Ustaz Abdul Latif Muda, Ustazah Rosmawati Ali @ Mat Zin, Cetakan Pertama 2000, Pustaka Salam, halaman 129]

[48] Walaupun Wasiat Wajibah ini telah dikuatkuasakan melalui peruntukan undang-undang yang mana kuatkuasanya adalah bersandarkan kepada

illah tertentu sebagaimana yang dijelaskan namun ianya tidak boleh dibaca secara mutlak seolah-olah ianya menjadi hak mutlak kepada semua orang yang bergelar “*cucu*” yang kematian bapa atau ibu. Ini kerana “*cucu*” tersebut perlu memenuhi syarat yang telah ditetapkan. Ini bersesuaian dengan kaedah-kaedah fiqh berikut:

الضرورات تقدر بقدرها

“Keadaan darurat ditentukan mengikut kadarnya...”

ما أُبيح للضرورة يقدر بقدرها

“Apa yang dibolehkan kerana kemudharatan itu diukur menurut kadar kemudharatan...”

ما احل للضرورة او حاجة يقدر بقدرها ويزول بزوالها

“Apa yang dihalalkan sebab darurat atau hajat diukur menurut kadarnya dan hilangnya dengan lenyap darurat...”

الحكم المقرر بالضرورة يقدر بقدرها

“Hukum yang ditetapkan sebab darurat diukur mengikut kadarnya...” [Perbahasan Kaedah-Kaedah Fiqh, Ustaz Abdul Latif Muda, Ustazah Rosmawati Ali @ Mat Zin, Cetakan Pertama 2000, Pustaka Salam, halaman 160]

[49] Keadaan ini hendaklah kekal dan dikekalkan sehingga ada undang-undang lain yang dikuatkuasakan pada masa akan datang berkaitan perkara ini di mana semua cucu tidak kira umur dan tanpa syarat boleh membuat tuntutan Wasiat Wajibah. Inilah yang dikatakan oleh pengarang buku Mempelajari Undang-Undang di atas berkaitan rukun *Elak Kemudharatan* dan juga mengelak daripada elemen *Ketidakmunasabahan*. Ini juga bersesuaian dengan kaedah-kaedah fiqh yang berbunyi:

ما ثبت بزمان يحكم ببقائه ما لم يقم الدليل على خلافه

“Apa yang ditetapkan berdasarkan masa atau semasa dihukum dengan kekalnya begitu selagi tiada dalil menyalahinya...”

الأحكام المترتبة على العوائد وتتغير عند تغيرها

“Hukum yang disusun atas dasar kepentingan dan keperluan mengikut keperluan itu dan ia berubah apabila berubahnya keperluan...” [Perbaasan Kaedah-Kaedah Fiqh, Ustaz Abdul Latif Muda, Ustazah Rosmawati Ali @ Mat Zin, Cetakan Pertama 2000, Pustaka Salam, halaman 129 dan 237]

[50] Walaupun undang-undang telah mengharuskan pelaksanaan Wasiat Wajibah, namun itu bukanlah bermakna pelaksanaannya boleh dilaksanakan secara membata tuli dan sembrono tanpa melihat kepada tujuan dan matlamat asal keharusannya dari sudut hukum syarak. Jika keharusan itu tidak dinyatakan secara jelas di dalam nas yang qat’ie dan dilaksanakan berdasarkan pandangan manusia dengan **illah** tertentu maka ianya hanya boleh dilaksanakan hanya kepada sesiapa yang memenuhi syarat tersebut sahaja dan hukum itu tidak mengharuskan kita mengambil hak orang lain dan tanpa sebarang sebab yang sah sebagaimana kaedah fiqh yang menyatakan:

الاضطرار لا يبطل حق الغير

“Keadaan terdesak tidak membatalkan hak orang lain...”

الحاجة لا تحق لأحد أن يأخذ (SIC) مال غيره

“Hajat dan keperluan itu tidak memberi hak bagi seseorang mengambil harta orang lain...”

الحكم يدور مع عنته

“Hukum itu berkisar bersama illahnya...” [Perbaasan Kaedah-Kaedah Fiqh, Ustaz Abdul Latif Muda, Ustazah Rosmawati Ali @ Mat Zin, Cetakan Pertama 2000, Pustaka Salam, halaman 167 dan 170]

[51] Oleh yang demikian, Mahkamah bersetuju dengan hujahan Defendant yang menyatakan bahawa Plaintiff dan adik-beradiknya yang kesemuanya telah melebihi umur 18 tahun adalah tidak termasuk di dalam peruntukan tersebut dan secara langsungnya mereka adalah tidak layak untuk menuntut bahagian daripada harta peninggalan Si Mati melalui seksyen 27 tersebut dengan alasan berikut-

51.1 Konsep *Siyasah Syar'iyyah* di mana sesuatu pendapat atau ijtihad itu tidaklah terkuatkuasa ke atas rakyat kecuali setelah diangkat sebagai undang-undang oleh pemerintah. Maka, apa-apa juga pendapat tentang wasiat wajibah, ianya tidak terkuatkuasa ke atas rakyat kecuali setelah diangkat sebagai undang-undang oleh pemerintah, di dalam keadaan ini, yang tertulis dan diperuntukkan di dalam Enakmen Wasiat tersebut.

51.2 Ini adalah bersandarkan kepada pandangan Defendan merujuk Dato' Abdul Monir bin Yacob di dalam bukunya "Siyasah Syariyyah Dalam Pentadbiran dan Perundangan", halaman 3 telah jelas menerangkan berkaitan konsep wasiat wajibah sebagaimana berikut:

"Menurut Ibn al-Qayyim, Siyasah Syariyyah tidak semestinya bermaksud menepati zahir undang-undang syariah. Menurutnya, apa juga langkah yang membawa manusia hampir kepada kebaikan (solah) dan menjauhkan dari kerosakan (fasad) adalah melaksanakan siyasah walaupun tidak ada hadis atau ayat mengenainya. Barangsiapa menyatakan itu bukan siyasah syariyyah apabila syariah diam mengenainya adalah suatu kesilapan dan salah faham terhadap sahabah."

Halaman 7 menyatakan:

"Menurut Imam Syafie, tiada siyasah melainkan ianya bersesuaian dengan syarak. Yang dimaksudkan dengan melainkan yang bersesuaian dengan syarak iaitu tidak bercanggah dengan apa yang disebutkan atau ditegaskan oleh syarak maka ianya benar (sah) tetapi jika dimaksudkan: tiada siyasah melainkan apa yang disebutkan oleh syarak maka ianya adalah salah (Ibn al-Qayyim, h.14)"

51.3 Ini juga bertepatan dengan pandangan Dr. Ahmad Farraj Hussaini di dalam kitab "Ahkam al-Wasoya wa al-Waqffi al-Syariah al-Islamiyyah", halaman 247 yang menyatakan bahawa wasiat wajibah adalah wajib ke atas mereka yang mempunyai harta untuk mewasiatkan kepada kerabatnya yang jika tidak diwasiatkan kepada mereka maka mereka akan terzalimi. Berdasarkan autoriti-autoriti di atas, matlamat utama penggubalan wasiat wajibah adalah untuk melindungi kemaslahatan penerima, dalam hal ini adalah anak-anak yatim yang telah kehilangan ibu bapa dan kematian datuk dan nenek agar mereka tidak menghadapi kesulitan hidup sendirian dan tidak dizalimi dan ianya amat jelas.

Akmar binti Aminuddin *lwn.* Amanah Raya Berhad

Isu Ketiga: Pemakaian dan Penentuan Teks Sahih

[52] Plaintiff dan Defendant menghujahkan bahawa Seksyen 6 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Pindaan 1971) (“Akta 32”) menyatakan:

“Teks bagi:

Segala Rang Undang-Undang yang akan dikemukakan atau pindaan-pindaan kepadanya yang akan dicadangkan dalam Parlimen atau mana-mana Dewan Negeri;

Segala Akta Parlimen dan segala perundangan kecil yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan;

Segala Enakmen dan perundangan kecil yang dikeluarkan oleh mana-mana Kerajaan Negeri; dan

Segala Ordinan yang diisyiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong;

hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan dalam bahasa Inggeris, dan teks dalam bahasa kebangsaan itulah sahil melainkan jika Yang di-Pertuan Agong menetapkan sebaliknya sama ada secara am atau bagi mana-mana undang-undang atau jenis undang-undang tertentu.”

[53] Plaintiff berpendapat bahawa subseksyen 27 (2) dan (3) EWOIS di dalam teks Bahasa Melayu ini jelas berlaku percanggahan dengan teks Bahasa Inggeris kerana maksud ‘kanak-kanak’ tidak mungkin akan diterjemah dengan perkataan ‘grandchildren’ sedangkan seksyen 3 Akta Tafsiran memberikan tafsiran ‘minor’ sebagai sebagai ‘a person who has not attained the age of majority’. Perkataan ‘infant’ juga diberikan takrifan yang sama dengan maksud ‘minor’. Sehubungan dengan Mahkamah tiada pilihan kecuali merujuk kepada teks Bahasa Inggeris yang memberikan tafsiran dan makna yang lebih konsisten dengan Hukum Syarak dan niat penggubal. Ini adalah bersandarkan kepada subseksyen tersebut di atas subseksyen 2 (2) EWOIS yang jelas menyatakan:

“Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini dan yang tidak ditakrifkan dalamnya tetapi ditakrifkan dalam Akta Tafsiran 1948 dan 1967 hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya masing-masing oleh Akta itu setakat yang ertiya sedemikian tidak bercanggah dengan Hukum Syarak.”

[54] Seksyen 2 (2) EWOIS ini jelas menunjukkan aplikasi Akta Tafsiran 1948 dan 1967 jika apa-apa pengertian tidak diberikan di dalam EWOIS itu sendiri. Seksyen 117 Akta Tafsiran menyatakan:

"In case of any conflict or discrepancy between the English text of a written law and any translation thereof, the English text shall prevail."

[Jika berlaku konflik atau percanggahan antara teks Bahasa Inggeris sesuatu undang-undang bertulis dan penterjemahannya, maka teks Bahasa Inggeris akan dianggap terpakai"].

[55] Plaintiff juga bersandarkan kepada pandangan YB Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor, yang menyatakan:

"Kamar berpandangan bahawa peruntukan seksyen 27 (2) hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan seksyen 27 (1) Enakmen Wasiat Negeri Selangor 1999. Subseksyen 27 (2) menyebut "kanak-kanak yang disebut dalam subseksyen 1" adalah merujuk kepada cucu sebagaimana peruntukan seksyen 27(1) Enakmen Wasiat Negeri Selangor 1999.

Kamar berpandangan tafsiran di atas adalah selari dengan terjemahan enakmen ini dalam bahasa Inggeris yang menggunakan perkataan 'grandchildren' dan juga selari dengan fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang telah diwartakan pada 6/1/2011 berkaitan dengan Hukum Perlaksanaan Wasiyat Wajibah. Oleh yang demikian, kanak-kanak yang disebut dalam subseksyen 27(2) tanpa mengira umur adalah berhak mendapat wasiat wajibah.

[56] Defendan berpandangan jika Mahkamah merujuk kepada versi bahasa Inggeris dalam mentafsir maksud sebenar ayat atau kalimah yang digubal di dalam versi bahasa melayu, maka ianya adalah satu pentafsiran yang salah dan tidak mematuhi undang-undang yang tersedia ada. Walaupun versi Bahasa Inggeris enakmen wasiat Negeri Selangor menyebut "kanak-kanak" sebagai "grandchildren" dan bukan "children", akan tetapi, kami menegaskan bahawa, pada mana-mana masa atau waktu di mana versi bahasa Melayu dan bahasa Inggeris bercanggah, versi bahasa melayu akan sentiasa diguna pakai merujuk kepada Seksyen 6 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, dan menghujahkan juga definisi bahasa kebangsaan adalah seperti yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 152 (1):

Akmar binti Aminuddin *lwn.* Amanah Raya Berhad

“Perkara 152. Bahasa Kebangsaan.

1) Bahasa kebangsaan ialah Bahasa Melayu”

[57] Mahkamah berpandangan teks sahih bagi enakmen ini adalah teks di dalam Bahasa Melayu sebagaimana ditetapkan di atas dan keadaan itu hendaklah dikenalkan sebegini tanpa perlu diperbahaskan lagi. Mahkamah bersetuju bahawa teks Inggeris hendaklah dirujuk dengan tujuan untuk memahami maksud sebenar niat penggubal di dalam menggubal sesuatu peruntukan undang-undang dan ia hendaklah dirujuk ***hanya*** apabila timbul masalah di dalam menentukan hasrat sebenar sesuatu perkataan dan peruntukan tersebut. Dalam kes ini, walaupun perkataan di dalam teks Bahasa Malaysia berbeza dengan perkataan terjemahan yang digunakan di dalam teks Inggeris namun ianya bukanlah suatu percanggahan yang menyebabkan salah-satu perkataan tersebut telah salah dari sudut tujuan penggunaannya sebagaimana telah dijelaskan dengan panjang lebar di dalam perenggan di atas.

[58] Mahkamah dapat bahawa percanggahan kedua-duanya boleh difahami dari sudut tujuan penggubalannya dan dasar hukum yang diterima oleh penggubal di dalam menguatkuasakannya dan sebenarnya kedua-dua menepati dasar itu dengan teks Bahasa Melayu memberi ruang lingkup yang agak sempit iaitu hanya kanak-kanak yang merupakan cucu si mati sahaja berhak terhadap wasiat wajibah tersebut. Manakala jika teks Inggeris pula perkataan umum “*cucu*” boleh ditafsirkan sebagai semua orang yang bergelar cucu dan juga boleh ditafsirkan sebagai “*cucu*” tersebut merujuk kembali kepada “kanak-kanak” di dalam teks sahih tersebut. Ironinya, walaupun apapun peruntukan tersebut penentuan seseorang itu berhak terhadap wasiat wajibah tersebut namun ia masih lagi tertakluk kepada syarat lain sebagaimana ditetapkan oleh hukum syarak samada bagi seorang kanak-kanak ataupun seorang cucu.

[59] Jika dilihat dari sudut *illah* hukum kepada penguatkuasaan wasiat wajibah tersebut, penggunaan perkataan “*kanak-kanak*” atau “*grandchildren*” adalah sama iaitu ia bukanlah secara mutlak akan memperolehi wasiat wajibah tersebut kecuali cucu tersebut di dalam keadaan masih kecil, merupakan anak yatim piatu, kedua-dua ibu bapa atau salah seorangnya telah meninggal dunia terlebih dahulu daripada datuknya, cucu tersebut terdinding daripada menerima pusaka datuknya dan tidak meninggalkan sebarang harta untuk cucu ini meneruskan kehidupan sebagaimana keterangan, hujah dan dalil pengharusan Wasiat Wajibah oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.

- [60] Asal sesuatu Wasiat adalah harus sahaja dan mewajibkan Wasiat Wajibah adalah berasaskan tanggungjawab *Siyasah Syariyyah* pemerintah bertunjangkan kebajikan cucu yang memerlukan dan keadaan dan illah ini hendaklah dikekalkan sehingga diubah. Justeru itu, apabila berlaku pertembungan diantara ketetapan hukum dan ketetapan adat atau manusia maka ketetapan berdasarkan hukum hendaklah didahulukan berdasarkan kaedah fiqh berikut:

ما ثبت بالشرع مقدم على ما ثبت بالشرط

“Apa yang kukuh dengan syarak didahulukan atas apa yang kukuh dengan syarat”. [Kaedah Hukum Islam Mazhab Shafi’i, Haji Mardhiya Mukhtar, Cetakan Pertama 1999, Penerbitan Darul Iman, halaman 325]

- [61] Dan keadaan ini juga bersesuaian dengan Seksyen 28 Enakmen Wasiat Orang Islam Selangor 1999 telah memperuntukkan:

- 1) *Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di bawah Enakmen ini yang berlawanan dengan Hukum Syarak hendaklah terbatal setakat yang berlawanan itu.*
- 2) *Jika terdapat apa-apa kekosongan atau jika apa-apa perkara yang diperuntukkan dengan nyata dalam Enakmen ini, Mahkamah hendaklah menggunakan Hukum Syarak.*

- [62] Kesimpulannya, membuat andaian bahawa wujudnya kesilapan gubalan semasa menggubal peruntukan Seksyen 27 tersebut dengan adanya perkataan “*kanak-kanak*” dengan sebab perbezaan peruntukan undang-undang di antara negeri-negeri tersebut adalah sesuatu tindakan yang berisiko untuk diterima dan digunakan. Apatah lagi untuk menyandarkan andaian tersebut dengan pandangan akademik sebagaimana dinyatakan oleh Wan Arfah Wan Hamzah dalam artikelnya ‘*Bahasa Malaysia dalam Bidang Undang-Undang: Pencapaian dan Cabaran*’ hlm 227, yang mana kebenarannya hanya mungkin terhad setakat semasa penulisan tersebut dikeluarkan sahaja dan menimbulkan juga andaian bahawa keadaan tersebut berkemungkinan telah berubah.

- [63] Anggapan hanya boleh disimpulkan dengan asas yang kukuh sahaja dan ianya tidak dibuktikan di dalam kes ini kerana jika Plaintiff menyatakan bahawa perkataan “*kanak-kanak*” itu sebagai satu kesilapan penggubalan maka boleh jadi juga dan juga berkemungkinan sebenarnya perkataan

Akmar binti Aminuddin *wn.* Amanah Raya Berhad

“*grandchildren*” itu sendiri merupakan satu kesilapan penggubalan kerana adalah menjadi budibicara pemerintah untuk mengambil hukum yang harus untuk dilaksanakan kerana kebijakan cucu yang bertaraf kana-kanak adalah lebih perlu dijaga daripada semua golongan cucu tanpa mengira had umur sebagaimana pandangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Apatah lagi sejak enakmen wasiat ini digubal pada tahun 1999 dan dikuatkuasakan pada 01 Julai 2004, tidak pernah ditimbulkan isu ini dan sekiranya ada sudah tentu, ianya akan diperbetulkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

Keputusan

SETELAH MAHKAMAH meneliti Saman dan Pernyataan Tuntutan, DAN SETELAH mendengar Hujahan Lisan Plaintiff dan Defendan SERTA Hujahan Bertulis Pihak-Pihak MAKA Mahkamah berpuashati dan memerintahkan seperti berikut:

1. Mahkamah memerintahkan Saman dan Pernyataan Tuntutan Plaintiff ditolak dan dibatalkan.

Journal of Shariah Law Research (JSLR)



UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR

Enakmen A52

**ENAKMEN WASIAT ORANG ISLAM
(SELANGOR) (PINDAAN) 2016**

2

Tarikh Perkenan Diraja ... 3 Januari 2017

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 13 Januari 2017

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang bolch diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR

Enakmen A52

ENAKMEN WASIAT ORANG ISLAM (SELANGOR) (PINDAAN) 2016

BETA PERKENANKAN,

(MOHOR
KERAJAAN)

SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,
Sultan Selangor

3 Januari 2017

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999.

[]

DIPERBUAT oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti yang berikut:

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) (Pindaan) 2016. Tajuk ringkas
2. Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 [*Enakmen No. 4 tahun 1999*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini dipinda dalam subseksyen 2(1)—
(a) dengan menggantikan takrif “harta” dengan takrif yang berikut:
‘ “harta” termasuklah—
(a) harta alih, harta tak alih atau harta intelek;
(b) apa-apa manfaat atau kepentingan dalam apa-apa harta alih, harta tak alih atau harta intelek;

Undang-Undang Negeri Selangor ENAKMEN A52

- (c) apa-apa hak, kepentingan, hak milik selainnya yang berkaitan dengan harta alih, harta tak alih atau harta intelek; dan
 - (d) kepakaran dan perkhidmatan yang mempunyai nilai mengikut Hukum Syarak;’;
- (b) dengan menggantikan takrif “marad al-maut” dengan takrif yang berikut:
- ‘ “marad al-maut” ertinya suatu penyakit yang boleh membawa maut yang memenuhi syarat-syarat yang berikut:
- (a) penyakit itu pada lazimnya berakhir dengan kematian;
 - (b) penyakit itu menyebabkan kebimbangan kematian dalam minda pesakit sehingga boleh menjaskan kewarasan akal fikiran;
 - (c) hendaklah terdapat beberapa tanda luaran yang menunjukkan bahawa penyakit itu merupakan suatu penyakit yang serius; dan
 - (d) penyakit itu dideritai secara berterusan dalam tempoh tidak lebih daripada satu tahun;’;
- (c) dengan menggantikan takrif “orang yang tak sempurna akal” dengan takrif yang berikut:

‘ “orang yang tak sempurna akal” ertinya mana-mana orang yang didapati sebagai bercelaru mental di bawah seksyen 51 Akta Kesihatan Mental 2001 [Akta 615] dan meliputi mana-mana orang yang tak daya menguruskan dirinya atau hal ehwalnya atau safih;’;

Wasiat Orang Islam (Selangor)
(Pindaan)

5

- (d) dengan menggantikan takrif “wali harta” dengan takrif yang berikut:

‘“wali harta” ertinya seseorang yang berhak bertindak sebagai penjaga harta bagi kanak-kanak yang tidak cukup umur mengikut Hukum Syarak, atau anak dalam kandungan, atau orang yang ditegah daripada menguruskan hartanya, dan termasuklah seseorang yang dilantik sebagai wali harta oleh Mahkamah;’; dan

- (e) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam takrif “wasi” dengan memasukkan selepas perkataan “pelaksanaan sesuatu” perkataan “wasiat”.

3. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 5 seksyen yang berikut:

Seksyen
baru 5A

“**5A.** Pewasiat boleh meminda sesuatu wasiat dengan—

- (a) menambah, mengurang atau mengganti harta yang diwasiatkan;
- (b) menambah atau mengurang kadar harta yang diwasiatkan;
- (c) menambah, mengurang atau mengganti benefisiari yang dinamakan; atau
- (d) menambah, mengurang atau mengganti perkara lain yang dinyatakan dalam wasiat itu.”.

Pindaan
wasiat

4. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 17 seksyen yang berikut:

Seksyen
baru 17A

“**17A.** Wali harta boleh menolak sesuatu wasiat bagi benefisiari dalam hal keadaan yang disebut di bawah subseksyen 17(2) atau (3) jika, pada pendapat wali harta itu, wasiat itu boleh mendatangkan mudarat kepada benefisiari tersebut.”.

Kuasa
wali harta
menolak
wasiat

6

Undang-Undang Negeri Selangor ENAKMEN A52

Pindaan
seksyen 22

- 5.** Seksyen 22 Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(4A) Jika benefisiari lebih daripada seorang dan kadar harta yang diwasiatkan tidak ditentukan oleh pewasiat, benefisiari hendaklah berkongsi harta yang diwasiatkan itu dengan kadar pembahagian yang sama rata.”.

Pindaan
seksyen 24

- 6.** Seksyen 24 Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Wasi hendaklah dilantik dari kalangan orang Islam, badan atau syarikat yang diharuskan oleh Hukum Syarak.

(5) Jika tiada wasi dilantik oleh pewasiat, Mahkamah boleh melantik wasi selepas kematian pewasiat.

(6) Majlis boleh dilantik sebagai wasi.”.

Pindaan
seksyen 26

- 7.** Seksyen 26 Enakmen ibu dipinda dengan memotong subseksyen (2).

Pindaan
seksyen 27

- 8.** Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 27 dengan seksyen yang berikut:

“Wasiat
kepada
cucu

27. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), jika seorang datuk atau nenek mati tanpa membuat apa-apa wasiat kepada cucu daripada anak lelakinya atau anak perempuannya yang mati terlebih dahulu daripada datuk atau nenek itu atau yang mati serentak dengan datuk atau nenek itu, cucu itu berhak mendapat wasiat wajibah.

(2) Pelaksanaan wasiat wajibah yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah memenuhi syarat yang berikut:

(a) cucu itu bukan waris kepada harta pusaka datuk atau nenek yang mati;

(b) bapa atau ibu kepada cucu itu beragama Islam pada saat kematianya;

Wasiat Orang Islam (Selangor)
(Pindaan)

7

- (c) cucu itu tidak terlibat dengan pembunuhan datuk atau nenek yang mati; dan
- (d) cucu itu tidak menerima harta daripada datuk atau nenek yang mati sama ada melalui hibah atau wasiat atau lain-lain pemberian mengikut kadar wasiat wajibah yang selayaknya diterima oleh cucu itu.

(3) Pembahagian wasiat wajibah di bawah subseksyen (1) boleh dilaksanakan setelah didahulukan urusan berkaitan dengan pengurusan jenazah, wasiat *ikhtiyariyyah* dan hutang-piutang.

(4) Walau apa pun subseksyen (1), jika seorang datuk atau nenek mati dengan membuat wasiat, hibah atau lain-lain pemberian kepada cucunya, cucu itu masih berhak untuk mendapat wasiat wajibah sekiranya dia memenuhi syarat di bawah perenggan (2)(a), (b) dan (c).”.

9. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 27 seksyen yang berikut:

Seksyen
baru 27A
dan 27B

“**27A.** (1) Kadar wasiat wajibah bagi cucu yang berhak hendaklah mengikut bahagian faraid bapa atau ibunya yang layak diterima oleh bapa atau ibunya jika mereka masih hidup dan hendaklah tidak melebihi satu pertiga daripada harta pusaka datuk atau nenek yang mati.

Kadar wasiat
wajibah

(2) Kadar wasiat wajibah adalah seperti yang berikut:

- (a) jika kadar bahagian faraid bapa atau ibu kepada cucu itu kurang daripada satu pertiga daripada harta pusaka datuk atau nenek yang mati, kadarnya hendaklah mengikut kadar bahagian faraid tersebut;
- (b) jika kadar bahagian faraid bapa atau ibu kepada cucu itu melebihi daripada satu pertiga daripada harta pusaka datuk atau nenek yang mati, kadarnya hendaklah

Undang-Undang Negeri Selangor ENAKMEN A52

dihadkan kepada satu pertiga daripada harta pusaka itu melainkan jika mendapat persetujuan daripada waris datuk atau nenek yang mati itu;

- (c) jika datuk atau nenek yang mati itu telah mewasiatkan kepada cucunya mengikut subseksyen 27(4) dengan kadar yang melebihi bahagian faraid bapa atau ibunya daripada harta pusaka datuk atau nenek yang mati itu tetapi tidak melebihi satu pertiga lebihan tersebut dikira sebagai wasiat *ikhtiyariyyah* yang berhak diterima oleh cucu itu tanpa perlu mendapat persetujuan daripada waris datuk atau nenek yang mati itu; atau
- (d) jika datuk atau nenek yang mati telah mewasiatkan atau menghibahkan atau memberikan harta melalui apa-apa pemberian kepada cucu itu mengikut subseksyen 27(4) dengan kadar yang kurang daripada bahagian faraid bapa atau ibunya dalam harta pusaka datuk atau nenek yang mati itu, kadarnya hendaklah mengikut kadar wasiat wajibah.

Pembahagian
wasiat
wajibah

27B. Pembahagian harta yang telah ditentukan kadarnya di bawah seksyen 27A hendaklah mengikut aturan yang berikut:

- (a) jika seorang cucu, dia berhak kepada keseluruhan wasiat wajibah;
- (b) jika lebih daripada seorang cucu dan terdiri daripada semua lelaki atau perempuan, pembahagian wasiat wajibah hendaklah dibuat secara sama rata; atau

*Wasiat Orang Islam (Selangor) 9
(Pindaan)*

- (c) jika terdapat gabungan cucu lelaki dan perempuan, pembahagian wasiat wajibah hendaklah mengikut nisbah yang telah ditentukan oleh hukum faraid bagi anak lelaki dan perempuan.”.

Diluluskan pada 8 November 2016
[P.U. Sel. (ADV) GUB (R) 06/12]

ELYA MARINI BINTI DARMIN
*Setiausaha Dewan Negeri
Selangor*

BUKU TULISAN AHMAD TERMIZI ABDULLAH

KATEGORI	BIL.	TAJUK BUKU	HARGA (RM)	
			E-BUKU	BERCETAK
Umum	1.	Soal Jawab Pusaka	20.00	26.00
	2.	Soal Jawab Pusaka (Siri II)	17.00	29.00
	3.	Membumikan Faraid	24.00	38.00
Faraid	4.	Kirossako: Mudahnya Faraid	18.00	36.00
	5.	Kirossako (Mini)	12.00	25.00
	6.	Wanita & Faraid	6.00	11.00
	7.	Kematian Berlapis	11.00	22.00
	8.	Tolak Hak	8.00	16.00
Perancangan Pewarisan	9.	Rancang Harta: Hibah, Wakaf, Wasiat	22.00	36.00
	10.	Hibah Takaful	6.00	12.00
	11.	Dokumentasi Hibah	11.00	22.00
	12.	Hibah <i>Rugba</i>	5.00	11.00
	13.	Hibah Amanah	10.00	20.00
	14.	Hibah Hartanah Bercagar	6.00	11.00
	15.	Wasiat Kepada Waris	11.00	22.00
	16.	Covid-19 & Sakit Di Ambang Maut	5.00	11.00
	17.	Mudahnya Tulis Wasiat	22.00	-
Pengurusan Harta Pusaka	18.	Pengurusan dan Pembahagian Harta Pusaka di Malaysia	24.00	28.00
	19.	Rahsia Urus Harta Pusaka: A Hingga Z	11.00	22.00
	20.	Pusaka Kecil	10.00	18.00
	21.	Pusaka Besar	9.00	18.00
	22.	Waris Hilang	10.00	20.00
	23.	Waris Patah Titi	12.00	24.00

- Buku bercetak / e-buku boleh dibeli di www.pustakamizi.com
- E-buku boleh dibeli di <https://pustakamizi.e-junkie.com>
- Katalog lengkap boleh dimuat turun di pautan berikut:
<https://pustakamizi.e-junkie.com/product/0000/Katalog-Pustaka-Mizi>
- Sebarang pertanyaan, sila e-mail ke: mizico@gmail.com

Buyer: NIK SOH NIK AHMAD (soufratun@gmail.com)
Transaction ID: 5JF28668VV842651N

WARIS PATAH TITI

Buku ini menyorot tentang isu nasib waris patah titi. Kebajikan golongan ini terbela dengan kewujudan statut tentang *wasiat wajibah* yang melayakkan mereka menerima harta pusaka datuk atau nenek mereka pada kadar wasiat. Buku ini dimulai dengan membincangkan tentang konsep *wasiat wajibah*, dan pandangan-pandangan ulama' mengenainya. Kemudian penulis mengulas tentang kadar dan syarat *wasiat wajibah*.

Beberapa isu yang timbul dari ijтиhad berkaitan *wasiat wajibah* juga diperbincangkan bagi memantapkan lagi penderafan dan pelaksanaan *wasiat wajibah* di negara kita. Penulis juga memuatkan fatwa yang diputuskan berkaitan *wasiat wajibah* bagi panduan amalan masyarakat Muslim di negara kita. Pada akhir perbincangan, buku ini membincangkan isu cucu atau kanak-kanak bagi *wasiat wajibah* di Selangor. Di akhir buku ini, ada dilampirkan contoh kes yang penulis sendiri terlibat mengenainya.

E-Buku: RM12.00
Bercetak: RM24.00